



**LEMBAH BUJANG SEBAGAI KERAJAAN LAMA  
BERPUSAT: SATU TINJAUAN TENTANG  
PERKEMBANGAN, PERANAN DAN CABARAN DALAM  
MEMBENTUK ARKEOPELANCONGAN**

Oleh

**SITI MAISYA BINTI SALLEHUDDIN**

**C20A1435**

Projek penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institusi.



### AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)



### SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972



### TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh

Tandatangan

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Nama:  
Tarikh:

## Penghargaan

Alhamdulillah,

dengan penuh kesyukuran kehadrat Ilahi kerana limpah kurnianya, dapat saya menyelesaikan tugas akhir ini dengan penuh jayanya. Saya mengucapkan sepenuh penghargaan kepada: En. Aswawi bin Isa, Penasihat Projek Penyelidikan, di atas kepercayaan beliau memberi tugas ini kepada saya dan juga rakan seperjuangan saya. Dimana beliau banyak membantu saya sepanjang proses tugas ini disiapkan.

Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak mendorong saya untuk terus berusaha. Dan saya juga ingin menghadiahkan sekalung terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah banyak membantu dan mencetuskan idea saya sepanjang proses penyiapan tugas dilaksanakan. Dalam menyiapkan tugas ini, banyak yang telah saya pelajari sepanjang penyiapan kerja kursus ini dilakukan. Ianya memberi saya seribu satu makna dalam menimba ilmu ini.

Syukur, Alhamdulillah...

## Isi Kandungan

|  |                |
|--|----------------|
| <b>PENGHARGAAN</b>                                       | ii             |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                                     | iii            |
| <b>ABSTRAK</b>   | v              |
| <b>ABSTRACT</b>  | vi             |
| <br>   |                |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                                 | <b>HALAMAN</b> |
| 1.0 Pendahuluan  |                |
| 1.1 Pengenalan   | 1 – 3          |
| 1.2 Penyataan Masalah                                    | 4 – 5          |
| 1.3 Persoalan Kajian                                     | 6 – 7          |
| 1.4 Objektif Kajian                                      | 8              |
| 1.5 Skop Kajian  | 9 – 11         |
| 1.6 Kepentingan Kajian                                   | 12             |
| <br>   |                |
| <b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>                            |                |
| 2.0 Sorotan Kajian Lepas                                 | 13 – 14        |
| <br>   |                |
| <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>                           |                |
| 3.0 Pengenalan   | 15             |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian                                   | 16             |
| 3.2 Instrument Kajian                                    | 17 – 18        |
| 3.3 Sampel Kajian  | 18             |
| 3.4 Cara Mendapatkan Responden                           | 19             |
| 3.5 Cara Mendapatkan Maklumat dan Data                   | 20             |
| 3.6 Cara Memproses dan Menganalisis Data<br>dan Maklumat | 21             |
| 3.7 Teknik Pengumpulan Data                              | 22 – 23        |
| 3.8 Kesimpulan   | 24             |

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|  |         |
|--|---------|
| 4.0 Pengenalan   | 25      |
| 4.1 Maklumat Informan  | 25      |
| 4.2 Sejarah Asal-Usul Lembah Bujang, Merbok  | 26 – 38 |
| 4.3 Perkembangan, Peranan dan Bagaimana<br>Ia Mula Bertapak sebagai Sebuah Pusat                 | 39 – 52 |
| <br>   |         |
| 4.4 Demografi Responden  | 53      |
| 4.4.1 Analisis Mengikut Umur   | 54      |
| 4.4.2 Analisis Mengikut Jantina  | 55 – 56 |
| 4.4.3 Analisis Mengikut Status   | 57 – 58 |
| 4.4.4 Analisis Mengikut Pekerjaan  | 59 – 60 |
| <br>   |         |
| 4.5 Dapatan Kajian Mengenai Cabaran-cabaran Dalam<br>Membentuk Arkeopelancongan di Lembah Bujang | 61 – 83 |

**BAB 5 KESIMPULAN**

|  |          |
|--|----------|
| 5.0 Pengenalan   | 84 – 85  |
| 5.1 Rumusan  | 85       |
| 5.2 Kaedah Kajian dan Demografi Responden  | 86       |
| 5.3 Cabaran-cabaran dalam Membentuk Arkeopelancongan<br>Di Lembah Bujang, Merbok | 87       |
| 5.4 Isu dan Perbincangan   | 87 – 89  |
| 5.5 Cadangan   | 89 – 92  |
| 5.6 Kesimpulan   | 92 – 93  |
| <b>BIBLIOGRAFI</b>   | 94 – 95  |
| <b>LAMPIRAN</b>  | 96 – 107 |

LEMBAH BUJANG SEBAGAI KERAJAAN LAMA BERPUSAT: SATU  
TINJAUAN TENTANG PERKEMBANGAN, PERANAN DAN  
CABARAN DALAM MEMBENTUK ARKEOPELANCONGAN

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perkembangan, peranan dan cabaran dalam arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah asal-usul Lembah Bujang, Merbok. Membincangkan tentang perkembangan, peranan dan bagaimana ia mula bertapak sebagai sebuah pusat serta mengkaji cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang. Oleh itu, Lembah Bujang, Merbok dipilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai banyak tempat bersejarah. Bagi menjalankan kajian, pengkaji telah menetapkan tiga kaedah kajian iaitu kaedah soal selidik, kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Daripada dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa tempat-tempat bersejarah seperti ini mempunyai banyak kekurangan dari segi sektor pelancongan.

**Kata kunci:** Lembah Bujang, Sejarah, Cabaran,

**Arkeopelancongan**

# THE BUJANG VALLEY AS AN OLD KINGDOM CENTER: AN OVERVIEW OF THE DEVELOPMENT, ROLE AND CHALLENGES IN ARCHAEOOTURISM

## Abstract

This study was conducted to examine the development, role and challenges in archaeotourism in Lembah Bujang, Merbok. The objective of this study is to study the history of the origins of Lembah Bujang, Merbok. Discussing the development, role and how it began to gain a foothold as a center as well as examining the challenges in shaping archaetourism in the Bujang Valley. Therefore, Lembah Bujang, Merbok was chosen as the study location because it has many historical places. In order to carry out the study, the researcher has established three research methods, namely the questionnaire method, the library method and the observation method. From the findings of the study, the researcher found that historical places like this have many shortcomings in terms of the tourism sector.

**Keywords:** Lembah Bujang, History, Challenges, Archeotourism

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN/SEJARAH

Semenanjung Tanah Melayu, sejak permulaan abad tahun masih lagi merupakan suatu kawasan di Asia Tenggara yang penting dalam kegiatan perdagangan purba. Kedudukannya di tengah-tengah perjalanan di antara Timur dengan Barat menyebabkan ramai ahli pelayaran singgah di pelabuhan-pelabuhannya. Melalui sumber-sumber asing, seperti tulisan tahunan wangsa negeri Cina sejak abad ketiga tahun masih lagi kita dapat mengetahui bahawa sebelum abad kelima atau keenam tahun masih lagi telah muncul beberapa negeri purba seperti Tun Sun, Pan-pan, Chih-tu dan Lang-ya-hsui di bahagian utara Semenanjung Malaysia serta kawasan pinggirnya di Segenting Kra. Tetapi oleh sebab maklumat yang diberikan tentang kedudukan geografi negeri-negeri purba tidak begitu jelas maka tempat-tempat itu masih tidak dapat ditetapkan lagi. Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa kepentingan negeri-negeri purba itu ada kaitnya dengan jalan perdagangan di antara Timur dengan Barat yang menyeberangi Semenanjung ini pada masa yang silam itu.

Kebanyakkan negeri awal itu merupakan tempat persinggahan serta tempat pembekalan bagi beberapa jenis hasil tempatan seperti bijih timah, emas dan jugak hasil hutan seperti gaharu, kapur, damar, gading, tanduk badak, lilin lebah dan kemenyan. Kepentingan

Semenanjung Malaysia dari segi perdagangan purba boleh juga dikesan melalui tinggalan-tinggalan arkeologi yang terdapat di Perlis, Kedah, Seberang Prai dan Perak. Antara barang purba yang biasanya ditemui ialah tembikar Cina, beberapa jenis manik dari India atau Timur dekat juga, serta benda-benda pemujaan agama asing terutamanya dari kepercayaan Buddha dan Hindu seperti arca dan batu bertulis (berkaitan dengan agama Budha). Kadang-kadang kepingan gelas barang ciptaan Timur dekat juga ditemui. Tetapi yang terkenal sekali ialah beberapa tugu purba dikawasan muara Sungai Merbok dan muara Sungai Muda.

Penemuan tugu-tugu purba di Kedah telah dilaporkan sejak 1830an lagi. Carigali arkeologi di kawasan itu hanya bermula pada tahun 1936-1937 dan diadakan sekali lagi pada tahun 1941. Selepas Perang Dunia Kedua, kerja cari gali di Kedah diteruskan sehingga masa kini. Hasil daripada semua usaha carigali itu sebanyak 50 tapak dapat ditemui. Nama Lembah Bujang mula diguna secara meluas semenjak tahun 1970an sehingga Jabatan Muzium dan Antikuiti membataskan wilayah-wilayahnya kepada 144 batu persegi dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian Utara, batasan Sungai Muda di Selatan, Selat Melaka di bahagian Timur dan lebuhraya utara-selatan di bahagian barat (Adi Haji Taha, 1991:20). Bahkan nama Bujang untuk Lembah Bujang merujuk perkataan Sanskrit iaitu Bhujangga yang bermaksud ular atau naga yang diertikan sebagai simbol kemakmuran (Van Lohuizen-de Leeuw, 1976:186). Para sarjana berpendapat bahawa Bhujangga itu sendiri adanya phujangga yang bermaksud cerdik pandai (golongan

Brahmin dalam ajaran Hindu juga dikenali sebagai golongan cerdik pandai). Hal ini merujuk kepada kemakmuran Lembah Bujang dari aspek perdangan dan hasil buminya serta tinggalan seni bina candi yang menunjukkan wujudnya sebuah petempatan yang bertamadun di utara Semenanjung Tanah Melayu pada sekitar abad keempat sehingga ke-14. Antara pakar-pakar yang berfikir begini ialah Dr. H. G. Quartich Wales. Berdasarkan sebanyak 30 tapak yang digali oleh beliau pada 1936-1937, Dr. Wales berpendapat bahawa tugu-tugu yang dijumpai adalah kuil-kuil Hindu atau kuil-kuil Buddha yang telah ditiru bulat-bulat daripada kuil-kuil di India Selatan. Mengikut beliau juga, peneroka-peneroka India itu adalah bertanggungjawab untuk perkembangan kebudayaan di Lembah Bujang di Kedah.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Umum mengetahui bahawa, Lembah Bujang, Merbok merupakan sebuah tapak arkeologi yang terbesar di Malaysia. Oleh itu, aktiviti arkeologi mungkin merupakan satu aktiviti yang kurang popular bagi sesetengah masyarakat jika dibandingkan dengan nilai pekerjaan yang lain. Namun, pendedahan secara menyeluruh untuk menarik minat orang ramai untuk mendalami nilai arkeologi di sekitar Lembah Bujang dapat membantu mengubah minda dan persepsi orang ramai mengenai usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan untuk menarik minat kedatangan para pelancong ke Lembah Bujang dengan menyediakan pelbagai prasarana untuk kemudahan masyarakat setempat dan para pelancong khasnya. Namun begitu, langkah-langkah yang diambil haruslah menunjukkan kesungguhan untuk menaikkan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan sehingga ke peringkat global. Pengurusan yang dipertanggungjawabkan haruslah melakukan tugas dengan telus dan amanah demi menjaga warisan negara untuk tatapan generasi akan datang.

Lazimnya, segala masalah dan isu yang timbul dalam usaha untuk menaikan nilai arkeopelancongan warisan di Lembah Bujang akan menimbulkan dilema serta cabaran bagi pihak-pihak yang terlibat. Kerja keras dan usaha berterusan dalam menangani masalah yang timbul adalah sangat diperlukan bagi memastikan masalah dan halangan-halangan tidak lagi menjadi alasan kepada pihak tertentu untuk menjadikan Lembah Bujang sebagai kawasan arkeopelancongan warisan negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ke atas Lembah Bujang, Merbok pada masa kini amat sesuai untuk dijadikan sebagai pusat pelancongan warisan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang menyebabkan tanda tanya oleh pengkaji. Antara persoalannya ialah:

### **OBJEKTIF 1: Sejarah asal-usul Lembah Bujang, Merbok.**

- Siapakah yang membuka Lembah Bujang, Merbok?
- Tahun berapakah Lembah Bujang mula bertapak sebagai sebuah pusat?
- Apakah artifak yang ditemui selepas aktiviti carigali dilakukan?
- Berapakah keluasan tapak yang ditemui?
- Siapakah yang memulakan aktiviti carigali di Lembah Bujang?

**OBJEKTIF 2: Sejarah perkembangan, peranan dan bagaimana ia mula bertapak sebagai sebuah pusat.**

- Apakah faktor penting perkembangan perdagangan pada awal kurun masih?
- Bagaimanakah pendapat Bosch mengenai penaklukan?
- Nyatakan proses-proses penyebaran “penghinduan”?
- Mengapakah Lembah Bujang mempunyai peranan dalam pelbagai aspek terutamanya aspek ekonomi?
- Bagaimanakah peranan-peranan tersebut berfungsi untuk membuktikan Lembah Bujang merupakan sebuah kerajaan yang lama berpusat?

**OBJEKTIF 3: Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang.**

- Apakah cabaran utama dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang?
- Bagaimanakah cara untuk mengatasi cabaran tersebut?
- Mengapakah pihak kerajaan tidak memartabatkan tempat tersebut?
- Dimanakah sokongan-sokongan pihak berkuasa tempatan untuk menyuarakan pendapat?
- Mampukah ia menjadi sebuah pusat pelancongan menarik dengan pelbagai sejarah seperti tempat-tempat lain?

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pada bahagian ini pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif utama dalam kajian ini bagi menjawab permasalahan kajian:

- Mengkaji sejarah asal-usul Lembah Bujang, Merbok.
- Membincangkan tentang perkembangan, peranan dan bagaimana ia mula bertapak sebagai sebuah pusat.
- Mengkaji cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN


## 1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dapat menggambarkan ruang lingkup kajian yang membolehkan pengkaji menjalankan penyelidikan dan kajian.



Rajah 1.1 Peta Lokasi Kajian

[https://www.researchgate.net/figure/Magnetic-survey-area-at-Sungai-Batu-Lembah-Bujang-Kedah-Malaysia-Google-earth-2015\\_fig2\\_287224683](https://www.researchgate.net/figure/Magnetic-survey-area-at-Sungai-Batu-Lembah-Bujang-Kedah-Malaysia-Google-earth-2015_fig2_287224683)



Rajah 1.2 Lokasi menunjukkan kawasan tapak candi di Lembah Bujang

### 1.5.1 SKOP MASA

Skop kajian Lembah Bujang, Merbok dilakukan dari tahun 1830an lagi. Pengkaji memilih pada tahun 1830an kerana pada tahun tersebut penemuan tugu-tugu purba di Kedah dan carigali arkeologi di kawasan itu hanya bermula pada tahun 1930-1937 dan sekali lagi pada tahun 1941. Selepas Perang Dunia Kedua, kerja carigali di Kedah diteruskan sehingga masa kini. Pengkaji meneruskan kajian tersebut sehingga tahun 2005 kerana pada tahun tersebut Lembah Bujang dijadikan sebagai laluan Jejak Warisan.

### 1.5.2 SKOP FUNGSI

Selain itu, penemuan tugu-tugu purba dan tapak-tapak hasil daripada carigali sebanyak 50 tapak dan 30 daripada tapak tersebut telah diperkatakan oleh pakar-pakar yang berfikir seperti Dr. H. G. Quartich Wales pada 1936-37 berfungsi sebagai kuil-kuil Hindu atau kuil-kuil Buddha yang telah ditiru bulat-bulat daripada kuil-kuil di India Selatan.

### 1.5.3 SKOP GEOGRAFI

Dari segi geografi, penduduk yang menetap di Lembah Bujang, Merbok dianggarkan sebanyak 26250 orang penduduk dan mempunyai pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Siam dan sebagainya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting kerana dapat memberikan gambaran sebenar apa yang dimaksudkan dengan Lembah Bujang di Merbok, Kedah. Kepentingan kajian ini amat bermakna kerana pengkajian dan penulisan ini akan dapat memberi impak positif kepada individu. Hal ini dapat mewujudkan rasa minat untuk melawati tempat-tempat bersejarah seperti Lembah Bujang.

Selain itu, individu akan melihat pelbagai khazanah dan artifak yang di simpan dan dipamerkan oleh pihak muzium. Kepentingan ini turut memberi impak yang positif seterusnya dapat menyemai perasaan terhadap sejarah negara yang terdapat di muzium. Seterusnya, peranan masyarakat dalam menjana ekonomi negara adalah sangat penting kerana ia dapat membantu pusat perlancongan berkembang pesat. Sebagai contohnya, masyarakat diberi peluang pekerjaan di dalam sektor ini.

Selain itu, peranan masyarakat dalam menjaga warisan dan sejarah sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, warisan kebangsaan merupakan khazanah yang penting dan diwarisi oleh masyarakat terdahulu kepada generasi sekarang seperti Lembah Bujang.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 2.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian ilmiah yang berkaitan dengan sejarah Lembah Bujang telah dihasilkan. Antara kajian berkenaan ialah buku kajian yang berkait rapat dengan sejarah Lembah Bujang. Buku kajian yang dapat dikaitkan dengan tajuk kajian ini adalah kajian yang bertajuk “*Tamadun Awal Lembah Bujang*” yang dihasilkan oleh Mohd Sufian Sabtu yang terdapat di Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Kajian ini menjelaskan sejarah asal-usul Lembah Bujang dan perkembangan pengaruh penghinduan di Asia Tenggara dan Semenanjung Tanah Melayu. Kajian ini dilakukan bermula tahun 1940 sehingga 1970an. Buku kajian ini juga turut menjelaskan peranan Lembah Bujang sebagai tapak awal sejarah di Malaysia. Hasil pembacaan buku kajian ini telah menarik minat pengkaji untuk meneruskan kajian mengenai Lembah Bujang.

Seterusnya ialah kajian yang ditulis oleh Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia dengan buku yang bertajuk “*Malaysia Dari Segi Sejarah*” yang terdapat di Arkib Negara. Buku ini menjelaskan tentang sejarah Lembah Bujang malah menjelaskan mengenai penemuan tapak-tapak yang berada di Lembah Bujang. Buku ini juga menceritakan mengenai chandi-chandi yang terdapat di Lembah Bujang.

Selain itu, di Muzium Arkeologi Lembah Bujang pengkaji telah diberikan sebuah buku yang bertajuk “*Antiquities of Bujang Valley*” yang ditulis oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Othman Mohd. Yatim yang diterbitkan pada tahun 1990. Buku ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk menambahkan lagi maklumat yang berkaitan Lembah Bujang dengan lebih mendalam. Keseluruhan buku ini berkisarkan tentang sejarah asal-usul Lembah Bujang dan monumen-monumen hasil daripada pembinaan golongan terdahulu.

Pada 26 Februari 2005, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr.Rais mengatakan bahawa laluan jejak warisan itu dipercayai digunakan untuk menyalaikan rumah api di puncak gunung 1,200 meter itu. Penyertaan ini di keluarkan dalam keratan akhbar Berita Harian. Pengkaji sangat tertarik dengan keratan akhbar tersebut kerana keratan tersebut dapat membantu pengkaji untuk meneruskan kajian mengenai Lembah Bujang sehingga tahun 2005.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Di bahagian bab ini, pengkaji akan menjalankan beberapa cara pemerolehan dapatan kajian mengenai metodologi, kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat terhadap kajian. Metodologi kajian ialah merupakan bentuk atau langkah bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih jelas supaya dapat menyokong terhadap sesuatu kajian.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah berdasarkan bersetujuan dengan kajian yang ingin dikaji. Di bahagian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa cara yang membantu pengkaji mendapatkan maklumat melalui menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif, kuantitatif dan perpustakaan bagi membentuk pangkalan data terhadap kajian ini. Kedua-dua kaedah ini adalah bagi menjawab kesemua persoalan yang belum dijelaskan oleh pengkaji. Kaedah kualitatif adalah merupakan kaedah yang tidak melibatkan data atau bilangan kerana ia hanya menggunakan nota pandangan atau catatan dan dokumen, instrumen yang digunakan adalah temu bual dan pemerhatian. Manakala, kaedah kuantitatif pula adalah melibatkan angka dan menggunakan instrumen soal selidik. Oleh itu, kedua-dua kaedah ini dapat membentuk satu pangkalan data yang tepat dan sahih.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.2 Instrument Kajian

Instrument kajian adalah proses menyediakan alat pengumpulan data menerusi konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan, dan keterangan latar belakang.

| Kaedah      | Instrument Kajian              |
|-------------|--------------------------------|
| Kuantitatif | Tinjauan, Borang Soal Selidik  |
| Kualitatif  | Rujukan, Temubual, Pemerhatian |

Jadual 1: Kaedah Instrument Kajian

#### 3.2.1 Borang soal selidik

Instrumen borang soal selidik ialah alat pengukur yang popular dalam kajian tinjauan. Borang soal selidik ini dibina mengikut skala Guttment iaitu mengemukakan soalan yang difahami dan ringkas dimana responen hanya menandakan “Ya atau Tidak” berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), Bahagian B (untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok) dan akhir sekali Bahagian C (pendapat).

#### 3.2.2 Rujukan

Instrumen rujukan utama yang pengkaji peroleh daripada bahan ilimiah seperti Kamus Dewan Edisi Keempat, internet, surat khabar dan majalah-majalah mingguan. Sumber rujukan adalah penting untuk melihat hasil dapatan terdahulu.

### 3.2.3 Pemerhatian

Pengkaji melakukan pemerhatian sekitar Lembah Bujang, Merbok serta mengamati suasana yang tenang dalam kajian yang pengkaji lakukan iaitu sejarah asal-usul Lembah Bujang, perkembangan dan peranannya.

### 3.2.4 Lapangan

Pengkaji juga mengunjungi Muzium Arkeologi Lembah Bujang bersama rakan-rakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai sejarah pembinaan candi-candi di Lembah Bujang, Merbok terdahulu.

### 3.2.5 Temubual

Di samping pengkaji mengunjungi Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, pengkaji juga menemubual secara tidak langsung dengan salah seorang pembantu kanan Muzium di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok yang bernama Mohd. Fauzi bin Sulaiman untuk mendapatkan maklumat. Hasil daripada itu, pengkaji mendapat sebuah buku bertajuk "*Antiquities of Bujang Valley*" dan satu pamphlet Muzium Lembah Bujang untuk dijadikan bahan bukti yang dilampirkan pada bahagian lampiran kajian.

### 3.2.6 Perpustakaan

Selain daripada itu, pengkaji juga sering membuat rujukan di perpustakaan awam Alor Setar dan Merbok untuk memperolehi lebih banyak info mengenai sejarah Lembah Bujang, Merbok.

### 3.3 Sampel Kajian

Pengsampelan ialah kumpulan manusia, institusi, tempat atau fenomena yang menjadi sumber informasi yang diperlukan oleh pengkaji. Pemilihan sampel dalam kajian tinjauan adalah secara rawak. Responden kajian terdiri daripada 30 orang penduduk di Lembah Bujang, Merbok. Mereka terdiri daripada orang lelaki dan orang perempuan akan diambil sebagai responden. Responden terbuka kepada semua penduduk dan mengisi borang soal selidik dengan lengkap. Pada hari kajian dijalankan sebanyak 30 borang soal selidik diedarkan secara rawak mudah untuk memperolehi data yang lebih tepat.

### 3.4 Cara mendapatkan responden

Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang penduduk di Lembah Bujang, Merbok. Daripada jumlah keseluruhan penduduk yang mengisi borang soal selidik, didapati bahawa terdapat 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan. Responden terbatas kepada masyarakat yang mendiami di Lembah Bujang, Merbok sahaja yang akan diminta untuk mengisi borang soal selidik secara rawak.

### 3.5 Cara mendapatkan maklumat dan data

Borang soal selidik ini dibina mengikut skala Guttment iaitu mengemukakan soalan yang difahami dan ringkas dimana responen hanya menandakan “Ya atau Tidak” berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), Bahagian B (untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok) dan Bahagian C (pendapat).

Seterusnya, kaedah kajian rujukan juga digunakan. Pengkaji merujuk bahan ilimiah seperti Kamus Dewan Edisi Keempat, Internet, dan buku rujukan. Pengkaji telah mencari banyak maksud setiap perkataan yang tidak difahami daripada Kamus Dewan Edisi Keempat. Pengkaji juga telah melayari pelbagai lawan sesawang untuk memperolehi maklumat mengenai Lembah Bujang, Merbok.

Selain itu, kaedah tinjauan awal juga dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat sebelum memulakan kajian. Setelah itu, pengkaji telah membuat tinjauan awal sebelum memulakan kajian.

### 3.6 Cara memproses dan menganalisis data dan maklumat

Pengkaji menggunakan skala Guttment di dalam borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden seperti dalam bentuk jadual dibawah.

Jadual 2 menunjukkan penganalisan data berdasarkan skala Guttment.

| Kategori | Ya | Tidak |
|----------|----|-------|
|          |    |       |

Jadual 2: skala Guttment

Data yang diperolehi daripada responden akan diproses menggunakan kaedah manual kerana bilangan responden tidak terlalu ramai dan tidak sukar untuk dianalisis. Setelah itu, data yang siap diproses akan dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan sahaja akan diguna pakai. Seterusnya, data-data ini akan dipersembahkan dalam bentuk graf, jadual dan carta pai.

### 3.7 Teknik Pengumpulan Data

#### 3.7.1 Sumber Pimer

Data primer merupakan data asal yang dikumpulkan secara khusus untuk menjawab persoalan kajian. Tambahan pula, sumber ini menghubungkan hubungan antara responden dengan pengkaji bagi menjawab segala persoalan yang diajukan oleh pengkaji. Kaedah yang didapati melalui data primer ialah kaedah temu bual, pemerhatian dan soal selidik.

### **Arkib Negara**

Di Arkib Negara, saya merujuk buku-buku ilimiah lama mengenai Lembah Bujang yang di simpan oleh pihak pengurusan arkib.

- Chandi Bukit Batu Pahat Kedah oleh Ismail bin Salleh
- Malaysia Dari Segi Sejarah oleh Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia

### **Perpustakaan Awam Negeri Kedah**

Di perpustakaan Awam Negeri Kedah, saya melakukan rujukan mengenai sejarah Lembah Bujang dan beberapa buah buku yang berkaitan dengan Lembah Bujang.

- Keratan Akhbar Berita Harian pada 26 Feb 2005
- Tamadun Awal Lembah Bujang oleh Mohd Supian Sabtu

### **Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok**

Terdapat sejumlah besar sejarah Lembah Bujang yang terdapat dalam muzium tersebut bagi menambahkan lagi maklumat mengenai kajian yang saya lakukan termasuklah “Sejarah Lembah Bujang Dan Perkembangannya”.

- Antiquities of Bujang Valley oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Othman Mohd. Yatim.

- Brosur mengenai kajian Lembah Bujang.

### **Temubual**

Pengkaji telah menebual seorang pembantu kanan Muzium di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok yang bernama Mohd. Fauzi bin Sulaiman untuk mendapatkan maklumat.

#### **3.7.2 Sumber Sekunder**

Data sekunder ialah data yang mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber yang melibatkan internet, jurnal, artikel dan sebagainya untuk mencari maklumat tambahan. Sehubungan dengan itu, data ini dapat dikumpul dengan mudah dan cepat kerana mempunyai banyak bahan yang mudah didapati khususnya topik-topik yang ingin dikaji.

### **Internet**

Dengan melayari laman sesawang, saya dapat mengetahui maklumat dengan lebih lanjut seperti rujukan peta lokasi dan maklumat tambahan mengenai Sejarah Lembah Bujang, Merbok.

- <https://www.scrib.com> (Sejarah Lembah Bujang)
- <https://memori.kedah.com> (Sejarah awal Lembah Bujang)

### 3.8 Kesimpulan

Rumusan bagi bab ini, secara keseluruhannya pengkaji dapat membentuk beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan cepat untuk menyelesaikan objek, masalah dan persoalan kajian. Pengkaji juga telah memilih sumber tambahan mencari maklumat daripada kajian lepas dan internet bagi mengenal pasti topik dan isu yang ingin secara cepat. Di samping itu, di bahagian ini juga pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih efisen dan lengkap.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Dapatan kajian merupakan hasil daripada kajian yang didapati oleh pengkaji mengenai sesuatu kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapatkan dapatan mengenai serba sedikit mengenai asal-usul Lembah Bujang, Merbok melalui beberapa orang yang telah di temubual. Bukan itu sahaja, pengkaji telah membuat lawatan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok.

#### 4.1 Maklumat Informan

Informan yang terlibat dalam kajian yang dijalankan adalah Encik Mohd. Fauzi bin Sulaiman. Berusia 58 tahun. Beliau merupakan Pembantu Kanan Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok. Beliau juga merupakan anak jati Merbok. Pekerjaan beliau hampir mencecah 13 tahun dalam bidang tersebut.

Informan kedua yang terlibat adalah Encik Salleh bin Mohd. Ali merupakan Pembantu Kanan Muzium yang berusia 54 tahun. Beliau banyak membantu dalam memberi pendedahan dan penerangan mengenai Lembah Bujang, Merbok.

Informan ketiga merupakan penduduk tetap yang telah menetap lebih dari 20 tahun di kawasan tersebut. Beliau adalah Pn. Norjan binti Perjan Ali, 67.

#### **4.2 Sejarah Asal-Usul Lembah Bujang, Merbok**

Kedah Tua atau kini lebih dikenali sebagai Kedah Darul Aman begitu kaya dengan warisan sejarah dan budayanya. Di sini tersimpan seribu satu macam khazanah sejarah yang tidak pernah wujud di tempat lain. Sepertimana yang kita dapat lihat, kemegahan Gunung Jerai dan pada masa yang sama telah menyembunyikan sebuah kawasan yang kaya dengan bahan-bahan arkeologi. Kawasan yang dikatakan itu adalah Lembah Bujang kerana kawasan tersebut dapat dikesan sebagai sebuah kawasan peninggalan sejarah yang paling tertua di Kedah. Selain dari Lagenda Mahsuri, sejarah Lembah Bujang juga mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji sejarah. Hal ini dapat katakan kerana, sejarah Lembah Bujang dapat meninjau kepada peristiwa-peristiwa lampau yang mampu mengaitkan kerajaan “Kedah Tua” dimana kerajaan ini merupakan sebuah kerajaan atau empayar yang sangat gagah pada zaman itu. Sejarah Lembah Bujang lebih tepat dikatakan keseluruhannya adalah memaparkan perkembangan pengaruh Hindu di Semenanjung Tanah Melayu.

Menurut Adi Haji Taha, 1991:20 dalam buku *Tamadun Awal Lembah Bujang* karya Mohd Supian Sabtu menyatakan bahawa nama Lembah Bujang mula diguna secara meluas semenjak tahun 1970an sehinggalah Jabatan Muzium dan Antikuiti membataskan wilayahnya kepada 144 persegi dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian utara, batasan Sungai Muda di selatan, Selat Melaka di bahagian timur dan lebuh raya utara-selatan di bahagian barat. Van Lohuizen-De Leeuw, 1976:186 mendefinisikan nama Bujang untuk Lembah Bujang merujuk kepada perkataan Sanskrit iaitu Bhujangga bermaksud ular atau naga yang diertikan sebagai sebuah simbol kemakmuran dan sebuah kerajaan Melayu yang tertua terkenal di Asia Tenggara, dalam penulisan karya Mohd Supian Sabtu. Mengikut pendapat Dr. Wales pengkaryaan buku *Malaysia Dari Segi Sejarah* menyatakan bahawa pengaruh kebudayaan Hindu dan Buddha dapat bertapak di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu bersama-sama peniaga dari India. Dari situlah pengaruh kebudayaan India dapat berkembang ke tempat lain dan pada mulanya pengaruh itu hanyalah dalam bentuk pengaruh Buddha. Menjelang abad ke 7, semasa kerajaan Pallava berkuasa di India Selatan, pengaruh kebudayaan India di Semenanjung ini bertambah kuat di mana pengaruh Hindu Mazhab Siva dapat mempengaruhi kawasan di Lembah Bujang. Perkara ini dibuktikan dengan adanya kuil-kuil Siva yang berpusat di sebelah pantai barat Sungai Bujang dan pada abad ke 8, pengaruh

Buddha mempengaruhi semula kawasan muara Merbok, Kedah adalah dari Mazhab Mahayana.

Pada pendapat Dr. Wales telah ditentang oleh seorang ahli arkeologi yang bernama Dr. H.A. Lamb. Oleh itu, hasil dari usaha carigali semula Dr. Lamb, yang lebih menyeluruh daripada yang dijalankan oleh Dr. Wales di tapak Candi Bukit Batu Pahat pada tahun 1958-59, telah muncul sebagai satu gambaran yang lebih lengkap terhadap rangka-rangka kuil itu serta beberapa ciri-ciri kebudayaan berkaitan dengan peranan binaan itu pada masa abad ke-9 T.M. Mengikut pendapat Dr. Lamb pemujaan telah ditandakan oleh benda-benda dari cepu tersebut bukan merupakan pemujaan Hindu Mazhab Siva. Sebenarnya benda-benda yang ditemui itu merupakan suatu jenis pemujaan tantrik, iaitu satu jenis pemujaan di mana terdapat ciri-ciri agama Buddha Mazhab Mahayana dan agama Hindu yang termasuk pemujaan kuil Siva serta pemujaan Vishnu. Jadi Candi Bukit Batu Pahat bukanlah sebuah kuil Siva seperti yang dianggap oleh Dr. Wales.

Menurut kajian, pengkaji mendapati bahawa Lembah Bujang telah wujud pada abad ke 6 dan telah berkembang hingga abad ke 14 Masihi. Namun begitu, tiada tarikh yang tepat mengenai penemuan Lembah Bujang ini. Data-data yang diberi berdasarkan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang hanya dapat membuktikan ianya wujud di antara abad ke 6 Masihi.

Melalui Hikayat Merong Mahawangsa dinyatakan, permulaan pembukaan Lembah Bujang bermula dengan kedatangan seorang bangsawan India ke Semenanjung. Pelayarannya telah membawa pelabuhan-pelabuhan di India dan pelabuhan Mon di Burma. Kemudian belayar ke selatan dan pantai sehingga ternampak sebuah bukit, iaitu Gunung Jerai. Setelah itu, tempat tersebut telah dijadikan sebagai sebuah petempatan. Bermula dari situ, tempat ini berkembang ke tempat lain. Kemahsyuran tempat ini kerana mempunyai kedudukan yang paling strategik di jalan perdagangan antarabangsa telah tersebar dari Laut Meditteraneam di sebelah Barat sehingga ke negeri China di sebelah Timur. Pada permulaanya, tempat ini hanya sebagai persinggahan pedagang-pedagang dan untuk mendapatkan bijih timah, emas, gaharu dan barang yang lain.

Sehubungan dengan itu, kewujudan kawasan Lembah Bujang ini dapat dikesan melalui tinggalan bahan-bahan arkeologi yang terdapat di Perlis, Kedah, Seberang Perai dan Perak. Di antara barang-barang purba yang dijumpai ialah tembikar Cina, beberapa jenis manik dari India atau Timur Dekat, serta benda-benda pemujaan agama Budha dan Hindu seperti arca dan batu bertulis. Namun demikian, kesan tinggalan yang paling terkenal ialah beberapa tugu purba di kawasan Muara Sungai Merbok dan Muara Sungai Muda. Penemuan tugu-tugu dilaporkan sejak tahun 1830an, yang mana usaha cari gali telah dimulakan hanya

pada tahun 1936-1937 dan diadakan sekali lagi pada tahun 1941 dan selepas Perang Dunia Kedua, usaha ini telah diteruskan hingga kini. Hasil daripada usaha carigali tersebut, sebanyak 50 tapak telah ditemui di kawasan berdekatan di sebelah Selatan Gunung Jerai. Tugu-tugu ini adalah merupakan tempat ibadat untuk upacara pemujaan dewa-dewi Budha dan Hindu.

Pada tahun 1936, Dr. H.G Quartich Wales telah berjaya menggali sebanyak 30 tapak. Berdasarkan hasil ini, beliau berpendapat bahawa tugu-tugu itu merupakan kuil-kuil Hindu atau kuil-kuil Budha yang dibina berdasarkan kuil-kuil di India Selatan. Bukti ini juga menunjukkan Lembah Bujang telah menerima pengaruh kebudayaan Hindu. Pada masa lalu, hasil daripada kedatangan pedagang-pedagang India. Bermula dari sini pengaruh kebudayaan India dapat berkembang ke tempat-tempat lain di rantau ini. Kemudiannya, pada abad ke 17 iaitu semasa kerajaan Pallava berkuasa di India Selatan, pengaruh India di Semenanjung bertambah kuat yang mana pengaruh Hindu Mazhab Siva dapat mempengaruhi kawasan Lembah Bujang. Hal ini dapat dibuktikan melalui kuil-kuil Siva yang berpusat di sebelah Pantai Barat Sungai Bujang. Kemudian pada penghujung abad ke 8 pula, pengaruh Budha mula bertapak di kawasan Muara Merbok dan ianya adalah dari Mazhab Mahayana.

Ekoran daripada itu, Dr. H. A. Lamb juga telah membuat kajian mengenai perkara ini. Melalui hasil penyelidikan beliau berpendapat bahawa Candi Batu Pahat adalah milik agama Buddha. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada enam buah cepu batu granit yang telah ditemuinya. Setiap cepu tersebut terdapat sembilan lubang untuk mengisi barang di dalam kuil-kuil. Satu daripada cepu tersebut masih mengandungi barang pemujaan seperti biji-biji permata, mutiara dan ketulan-ketulan logam serta beberapa lapisan emas, perak dan tembaga di dalam pelbagai rupa seperti lembu jantan, kura-kura, bunga teratai dan rupa dewi dalam keadaan duduk. Selain daripada itu, terdapat juga lapis-lapis emas yang dicop dengan huruf atau simbol dan sebuah cembul tembaga. Oleh itu, melalui barang yang ditemuinya, Dr. Lamb berpendapat bahawa pemujaan yang ditandakan dengan barang dari cepu tersebut bukanlah merupakan pemujaan Hindu Mazhab Siva malah merupakan satu jenis pemujaan tantrik iaitu sejenis pemujaan agama Buddha Mazhab Mahayana dan agama Hindu termasuklah pemujaan Siva serta pemujaan Vishnu. Oleh itu, Candi Bukit Batu Pahat bukanlah sebuah kuil Siva seperti anggapan Dr. Wales. Selain daripada itu, beliau juga berpendapat sebahagian besar jenis agama tantrik termasuklah unsur-unsur pemujaan tempatan iaitu pemujaan nenek moyang. Tambahan pula, cepu-cepu batu granit tidak pernah dijumpai di India sebaliknya di jumpai di Kepulauan Asia Tenggara. Perkara ini juga berkait rapat dengan adat

pemakaman raja-raja tempatan. Melalui kajian, Dr. Lamb berpendapat bahawa cembul tembaga itu merupakan bekas untuk menyimpan abu-abu raja-raja tempatan yang telah mangkat. Justeru itu, dari segi seni bina juga terdapat ciri-ciri yang tidak menyerupai unsur-unsur dari tradisi seni bina India Selatan. Usaha cari gali semula oleh Dr. Lamb di tapak itu telah membuka persoalan terhadap sejauhmanakah candi itu adalah sebuah kuil India Selatan yang dianggap oleh Dr. Wales.

Kemudiannya melalui usaha carigali Dr. Lamb pada tahun 1961 di Pengkalan Bujang iaitu di kawasan Muara Sungai Merbok telah memberi gambaran terhadap tempat tersebut. Keadaan ini berlaku kerana berdasarkan penemuan beribu-ribu serpihan tembikar Cina pada zaman Sung. Dr. Lamb beranggapan bahawa kawasan ini merupakan satu pelabuhan yang terkemuka di rantau ini pada masa lampau, iaitu pada penghujung abad ke 11 sehingga abad ke 14 Masihi. Kenyataan Dr. Lamb ini telah di sokong dengan usaha carigali yang dilakukan oleh Leong Sau Heng pada tahun 1971. Beliau telah melakukan usaha carigali di tiga tempat lain di kawasan Pengkalan Bujang dan di sini terdapat pelbagai serpihan tembikar Cina pada Zaman Sung, kepingan-kepingan perkakas gelas ciptaan Timur Dekat, manik-manik dari India, periuk tanah dan sebagainya. Daripada penemuan-penemuan tersebut, dapat dikatakan bahawa Pengkalan Bujang merupakan sebuah pelabuhan entreport yang terlibat dalam

perdagangan Timur dan Barat dari abad ke 11 sehingga abad ke 14 Masihi. Walau bagaimanapun, usaha-usaha carigali di Pengkalan Bujang telah memberikan gambaran baru tentang Sejarah Semenanjung Malaysia terutamanya mengenai Lembah Bujang pada masa sebelum wujudnya Kesultanan Melaka. Penemuan-penemuan ini menunjukkan Lembah Bujang telah terlibat dalam perdagangan antarabangsa sejak zaman purba lagi.

Bukan itu sahaja, menurut *En. Mohd Fauzi bin Sulaiman*, Pembantu Kanan Muzium Arkeologi Lembah Bujang menyatakan bahawa sejarah pembukaan Lembah Bujang ini adalah bermula daripada aktiviti-aktiviti perdagangan, yang mana Sungai Merbok merupakan jalan terdekat untuk ke negeri China melalui Kelantan dan terus ke Laut China Selatan. Oleh itu, Lembah Bujang terletak di antara Bukit Choras dan Bukit Mertajam kerana sesuai untuk dijadikan kawasan petempatan dan sebagai tempat persinggahan pedagang China dan India. Muara Sungai Merbok yang terletak berdepan dengan Laut Benggala memudahkan perjalanan mereka untuk berdagang. Yang pastinya pembukaan Lembah Bujang ini adalah dijangka lebih awal dari pembukaan Melaka pada abad ke 15 Masihi. Namun kini, Lembah Bujang telah menjadi satu pusat tarikan pelancong asing dan tempat kajian sejarah bagi pengkaji-pengkaji luar mengenai sejarah keunikan Lembah Bujang.

Menurut kajian, pengkaji mendapati bahawa Lembah Bujang telah wujud pada abad ke 6 dan telah berkembang hingga abad ke 14 Masihi. Namun begitu, tiada tarikh yang tepat mengenai penemuan Lembah Bujang ini. Data-data yang diberi berdasarkan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang hanya dapat membuktikan ianya wujud di antara abad ke 6 Masihi.

Melalui Hikayat Merong Mahawangsa, dinyatakan permulaan pembukaan Lembah Bujang bermula dengan kedatangan seorang bangsawan India ke Semenanjung. Pelayarannya telah membawa pelabuhan-pelabuhan di India dan pelabuhan Mon di Burma. Kemudian belayar ke Selatan ke pantai sehingga ternampak sebuah bukit, iaitu Gunung Jerai. Setelah itu, tempat tersebut telah dijadikan sebagai sebuah petempatan. Bermula dari situ, tempat ini berkembang ke tempat lain. Kemahsyuran tempat ini kerana mempunyai kedudukan yang paling strategik di jalan perdagangan antarabangsa telah tersebar dari Laut Meditteraneam di sebelah Barat sehingga ke negeri China di sebelah Timur. Pada permulaanya, tempat ini hanya sebagai persinggahan pedagang-pedagang dan untuk mendapatkan bijih timah, emas, gaharu dan barang-barang lain. Sehubungan dengan itu, kewujudan kawasan Lembah Bujang ini dapat dikesan melalui tinggalan-tinggalan bahan arkeologi yang terdapat di Perlis, Kedah, Seberang Perai dan Perak. Di antara barang-barang purba yang dijumpai ialah tembikar Cina,

beberapa jenis manik dari India atau Timur Dekat, serta benda-benda pemujaan agama Buddha dan Hindu seperti arca dan batu bertulis. Namun demikian kesan tinggalan yang paling terkenal ialah beberapa tugu purba di kawasan Muara Sungai Merbok dan Muara Sungai Muda. Penemuan tugu-tugu dilaporkan sejak tahun 1830an, yang mana usaha cari gali telah dimulakan hanya pada 1936-1937 dan diadakan sekali lagi pada tahun 1941 dan selepas Perang Dunia Kedua, usaha ini telah diteruskan hingga kini. Hasil daripada usaha carigali tersebut 50 tapak telah ditemui terdapat di kawasan berdekatan di sebelah Selatan Gunung Jerai. Tugu-tugu ini adalah merupakan tempat ibadat untuk upacara pemujaan dewa-dewi Budha dan Hindu.

Pada tahun 1936, Dr. H.G Quartich Wales telah berjaya menggali sebanyak 30 tapak. Berdasarkan hasil ini, beliau berpendapat bahawa tugu-tugu itu merupakan kuil-kuil Hindu atau kuil-kuil Budha yang dibina berdasarkan kuil-kuil di India Selatan. Bukti ini juga menunjukkan Lembah Bujang telah menerima pengaruh kebudayaan Hindu. Pada masa lalu, hasil daripada kedatangan pedagang-pedagang India. Bermula dari sini pengaruh kebudayaan India dapat berkembang ke tempat-tempat lain di rantau ini. Kemudiannya, pada abad ke 17 iaitu semasa kerajaan Pallava berkuasa di India Selatan, pengaruh India di Semenanjung bertambah kuat yang mana pengaruh Hindu Mazhab Siva dapat mempengaruhi kawasan Lembah Bujang.

Hal ini dapat dibuktikan melalui kuil-kuil Siva yang berpusat di sebelah Pantai Barat Sungai Bujang. Kemudian pada penghujung abad ke 8 pula, pengaruh Budha mula bertapak di kawasan Muara Merbok dan ianya adalah dari Mazhab Mahayana.

Selain daripada itu, beliau juga berpendapat sebahagian besar jenis agama tantrik termasuklah unsur-unsur pemujaan tempatan iaitu pemujaan nenek moyang. Tambahan pula, cepu-cepu batu granit tidak pernah dijumpai di India sebaliknya di jumpai di Kepulauan Asia Tenggara. Perkara ini juga berkait rapat dengan adat pemakaman raja-raja tempatan. Melalui kajian, Dr. Lamb berpendapat bahawa cembul tembaga itu merupakan bekas untuk menyimpan abu-abu raja-raja tempatan yang telah mangkat. Justeru itu, dari segi seni bina juga terdapat ciri-ciri yang tidak menyerupai unsur-unsur dari tradisi seni bina India Selatan. Usaha cari gali semula oleh Dr. Lamb di tapak itu telah membuka persoalan terhadap sejauhmanakah candi itu merupakan sebuah kuil India Selatan yang dianggap oleh Dr. Wales.

Kemudiannya melalui usaha carigali Dr. Lamb pada tahun 1961 di Pengkalan Bujang iaitu di kawasan Muara Sungai Merbok telah memberi gambaran terhadap tempat tersebut. Keadaan ini berlaku kerana berdasarkan penemuan beribi-ribu serpihan

tembikar cina pada zaman Sung. Dr. Lamb beranggapan bahawa kawasan ini merupakan satu pelabuhan yang terkemuka di rantau ini pada masa lampau, iaitu pada penghujung abad ke 11 sehingga abad ke 14 Masihi. Kenyataan Dr. Lamb ini telah disokong dengan usaha carigali yang dilakukan oleh Leong Sau Heng pada tahun 1971. Beliau telah melakukan carigali di tiga tempat lain di kawasan Pengkalan Bujang dan di sini terdapat pelbagai serpihan tembikar cina Zaman Sung, kepingan-kepingan perkakas gelas ciptaan Timur Dekat, manik-manik daripada India, periuk tanah dan sebagainya. Daripada penemuan-penemuan tersebut, dapat dikatakan Pengkalan Bujang merupakan sebuah pelabuhan entreport yang terlibat dalam perdagangan Timur dan Barat dari abad ke 11 sehingga abad ke 14 Masihi. Walau bagaimanapun, usaha-usaha carigali di Pengkalan Bujang telah memberikan gambaran baru tentang Sejarah Semenanjung Malaysia terutamanya mengenai Lembah Bujang pada masa sebelum wujudnya Kesultanan Melaka. Penemuan-penemuan ini menunjukkan Lembah Bujang telah terlibat dalam perdagangan antarabangsa sejak zaman purba lagi.

Sejarah pembukaan Lembah Bujang ini adalah bermula daripada aktiviti-aktiviti perdagangan, yang mana Sungai Merbok merupakan jalan terdekat untuk ke negeri China melalui Kelantan dan terus ke Laut China Selatan. Oleh itu, Lembah Bujang

terletak di antara Bukit Choras dan Bukit Mertajam kerana sesuai untuk dijadikan kawasan petempatan dan sebagai tempat persinggahan pedagang China dan India. Muara Sungai Merbok yang terletak berdepan dengan Laut Benggala memudahkan perjalanan mereka untuk berdagang. Yang pastinya pembukaan Lembah Bujang ini adalah dijangka lebih awal dari pembukaan Melaka pada abad ke 15 Masihi. Namun kini, Lembah Bujang telah menjadi satu pusat tarikan pelancong asing dan tempat kajian sejarah bagi pengkaji-pengkaji luar mengenai sejarah keunikan Lembah Bujang.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh saya mendapati bahawa, sejarah Lembah Bujang di zaman purba telah meninggalkan kesannya sehingga sekarang, sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial kepada masyarakat setempat dan juga kepada negara. Melalui maklumat-maklumat yang diperolehi dari berbagai sumber, saya dapat bahawa Lembah Bujang merupakan sebuah tempat yang mahsyur di masa lampau sebelum mengalami zaman kejatuhan. Namun begitu, dengan kewujudan Muzium Arkeologi serta rancangan untuk menjadikannya sebagai pusat pelancongan dan di harapkan juga Lembah Bujang akan berkembang maju menuju ke puncak kegemilangan seperti di zaman purba dahulu.

#### **4.3 Perkembangan, Peranan Dan Bagaimana Ia Mula Bertapak**

##### **Sebagai Sebuah Pusat.**

Mengikut beberapa pendapat, lautan yang terdekat di muka Lembah Bujang adalah berbeza dari yang ada sekarang. Adalah dipercayai laut yang ada sekarang telah jauh dari tebing yang asalnya dahulu. Daerah Merbok sendiri dulunya dianggap paling hampir dengan laut. Pendapat ini bukan hanya didasarkan oleh Wales sahaja malah dari beberapa pengkaji sejarah yang lain.

A.D. Collings mengatakan Bukit Chuping di Perlis adalah berhampiran dengan sungai. Dari bukti-bukti terdapatnya karangan laut yang ditinggalkan oleh masyarakat asli di Bukit tersebut. Dari segi perletakkannya kesan-kesan candi-candi yang didapati di Lembah Bujang nyata kedudukannya sekarang jauh dari laut. Oleh itu, ada banyak kemungkinanya berlaku demikian. Antaranya ialah berkemungkinan laut pada masa itu adalah berdekatan dengan tempat-tempat tersebut. Seterusnya dapat dikatakan juga terbinanya perkampungan yang jauh dari laut bagi mengelakkan dari serangan orang-orang liar laut dan lanun-lanun. Ada juga berkemungkinannya kawasan tersebut sesuai untuk pertanian dan juga membuat upacara keagamaan. Hal ini disebabkan oleh kawasan tersebut tidak berpaya yang senang untuk diubahsuai ke kawasan pertanian dan juga adanya kawasan air terjun yang lebih memikat penganut-penganut agama Hindu dan Buddha. Pada hakikatnya, di kawasan

tersebut telah wujudnya perkampungan atau petempatan sejak awal-awal kurun sesudah Masihi.

Menurut pemerhatian yang telah dikaji, kedatangan dan perkembangan kebudayaan dan keagamaan Hindu dan Budha di Lembah Bujang khasnya, adalah dipengaruhi oleh perkembangan keagamaan di Selatan India. Pada awal kurun selepas Masihi hingga ke kurun lebih kurang kurun ke 6 Masihi di Selatan India pengaruh Budha yang sangat kuat, sehinggalah terbentuknya candi-candi yang terdapat di kurun ini di Lembah Bujang yang berunsurkan Budha. Selepas kurun ke 6 Masihi pengaruh agama tersebut beransur-ansur beralih ke Hinduisme. Hal ini sangat sesuai dengan perkembangan agama Hindu Pallava di Selatan India. Sayugia menyatakan bahawa kedatangan dan perkembangan pengaruh India sama ada Budhha atau Hindu di Lembah Bujang datangnya terus dari India Selatan. Hal ini terbukti daripada penemuan-penemuan di candi-candi dan lain-lain tempat yang mempunyai unsur-unsur India tulen dan diubahsuai oleh masyarakat Melayu tempatan ketika itu.

Menurut pengkaji kedatangan dan perkembangan kebudayaan India di Lembah Bujang dibahagikan kepada empat. Antaranya ialah pada kurun pertama hingga ke 3 Masihi dibuktikan berdasarkan peta yang dibuat oleh Ptolemy di kurun ke 2 Masihi

yang menunjukkan penempatan-penempatan yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Terutama di bahagian Selatan Johor. Walaubagaimanapun, kawasan lain tidak dapat di kesan dengan baik kerana perubahan bentuk muka bumi. Di samping itu, ada juga yang menyebutkan sebuah tempat yang bernama “*Takola*” yang tidak dapat di kenalpasti. Braddle mengatakan tempat tersebut mempunyai kaitan dengan Kedah.

Seterusnya kira-kira tahun 300 hingga 550 Masihi, berdasarkan kepada analisis carigali Tapak 1 hingga 3 Lembah Bujang yang dianggap bertarikh kurun ke 4 hingga ke 6 Masihi. Kedah telah berkembang dengan agama Buddha. Hal ini menunjukkan Kedah telah wujud lebih awal dari tarikh tersebut. Ini adalah berdasarkan daripada lawatan yang dibuat oleh penggembala Budhha China, Fa Hsien yang singgah di Ye-Po-Ti pada tahun 414 Masihi. Dari Ye-Po-Ti dipercayai menular kemudiannya ke Ligor dan terus ke China.

Kira-kira kurun 550 hingga 750 sebelum Masihi, perkembangan seterusnya di mana terdapat peralihan kosentrasi dari penekanan kebudayaan India berunsurkan Buddha kepada kebudayaan India yang berunsurkan Hindu di pertengahan abad ke 6 Masihi. Perubahan ini seperti dinyatakan berikut dari perubahan di India Selatan sendiri. Penyerapan kebudayaan Hindu Pallava telah dibuat secara evolusi dan di Pantai Barat dengan

kebudayaan tempatan. Bukti ini dapat dilihat dari tinggalan di Tapak 4 hingga Tapak 9 candi Lembah Bujang. Dipercayai juga kebudayaan ini dari Kedah telah dibawa ke Ligor. Pada kurun ke 7 Masihi telah berkembang hingga ke Bangka seterusnya ke Sumatera dan Jawa.

Kebudayaan dan agama Budha dan Hindu datang terus dari India dan bukan dari tempat yang berbeza-beza. Hal ini dapat dibuktikan dari penemuan-penemuan dari candi-candi yang ada. Disamping itu, dapat dikatakan bahawa Kedah bukan hanya sebagai jalan persinggahan pedagang malah ia juga berkembang dari segi keagamaan dan kebudayaan.

Agama merupakan perkara kedua yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari India yang akan ke China. Jika dilihat dengan teliti pembinaan candi-candi di Lembah Bujang berdasarkan kronologi, kesemua candi-candi dibina pada masa yang berlainan. Terdapat beberapa keseragaman atau ketertiban dalam pembinaanya. Pertama ialah, pembinaan candi-candi yang lebih tua atau awal dibina lebih ke hulu atau dekat dengan pedalaman. Selain itu, konsentrasi pembinaan candi-candi ini kebanyakannya di bahagian tengah Lembah Sungai Bujang dan berteknologikan moden. Candi-candi dibina dari abad ke 4 Masihi dan dibina di daerah yang lebih muda. Hal ini demikian berlaku kerana pada masa dahulu laut berhampiran dengan daerah

pedalaman ataupun kawasan pedalaman lebih suci seperti di Pengkalan Bujang dan Sungai Batu yang terletak jauh ke dalam, seperti kawasan perkampungan dan ladang-ladang getah serta kelapa sawit. Tempat ini juga sunyi kerana jauh ke dalam. Binaan candi mempunyai tiga unsur iaitu kaki (bahagian bawah), tubuh (badan) dan atap (bumbung). Di Lembah Bujang hanya dua bahagian sahaja yang dapat dilihat dengan jelas iaitu kaki dan tubuh. Bahan-bahan untuk kaki dan tubuh ialah batu-batu sungai, batu-batu lada, batu granit dan batu biasa (tanah liat). Penggunaan batu adalah mengikut tahap kemajuan pemikiran yang dicapai. Di peringkat awal hanya digunakan batu-batu sungai, batu lada dan diikuti dengan batu granit dan batu laut.

Pada bahagian atap, tiangnya mungkin dibuat dari kayu, paku besi juga digunakan, atap genting atau sebagainya dan batu-batu tempatan. Walaupun ada banyak penggunaan bahan-bahan dalam pembinaan candi-candi ini adalah dipercayai kesemua bahan ini adalah bahan tempatan. Bahan-bahan ini boleh diperolehi disekitar kawasan Lembah Bujang sendiri. Dari segi teknologinya merupakan percantuman antara dua kebudayaan. Iaitu idea utamanya datang dari India Selatan tetapi dari segi ukiran seni binanya dicampur dengan unsur tempatan. Dari segi bahan jumpaan sampingan semasa cari gali adalah merupakan bahan yang terpenting untuk menganalisa pentarikhan candi-candi tersebut. Biasanya, bahan-bahan yang dijumpai ialah

seramik, tembikar, patung-patung dari gangsa, batu atau sebagainya, manik-manik, cincin emas, paku, bahan-bahan dari besi dan lain-lain logam. Bahan-bahan ini digunakan untuk upacara keagamaan adalah merupakan bahan-bahan dagangan dan setengah bahan-bahan dagangan ini diimport dari luar. Pedagang-pedagang mempengaruhi penduduk tempatan supaya menganut agama Hindu dan Budha. Kebetulan pada masa itu, penduduk-penduduk tempatan menganut fahaman animism. Mereka mendirikan candi-candi dan rumah berhala setelah menganut agama tersebut. Mereka juga belajar menulis dan membina dari India.

Terdapat beberapa fakta menarik yang dikongsi oleh *En. Mohd Salleh bin Ali* kepada pengkaji sewaktu menemubual beliau mengenai candi-candi yang ada di Lembah Bujang, Merbok. Antaranya ialah:

- Candi-candi yang dibina adalah dari batu-batu yang dipahat menjadi sebesar bata, kemudian ia disusun seperti bentuk bangunan. Bukan itu sahaja, tenaga kerja haruslah bijak dan mahir dalam membuat candi tersebut kerana ia memerlukan kepakaran dalam menyusun dan melekatkan batu-batu untuk pembinaan tanpa menggunakan simen. Candi yang dibina ini tidak sebesar candi yang dilihat di Jawa atau Kemboja. Anggaran pembinaan candi ini

adalah 100,000 ketul batu yang dipahat. Keluasan tapak candi ini ialah 30ft x 80ft dan kawasannya adalah seluas 150ft x 300ft.

- Kayu digunakan sebagai tiang yang dilapik diatas batu-batu yang sudah ditebuk. Pelapik-pelapik tiang yang dibuat dari batu untuk tiang-tiang kayu ini adalah istimewa didalam kebudayaan orang-orang Melayu.
- Gaya reka bentuk candi ini sangat sederhana dan tidak mempunyai sebarang ukiran yang berupa hiasan. Ini dapat dikatakan candi ini mempunyai perbezaan dengan candi-candi yang lain.
- Dapat dikenalpasti bahawa bentuk candi ini adalah daripada bentuk piramid yang bertangga-tangga.

Terdapat sebuah candi seakan sama iaitu di Padang Lawas, Sumatera tetapi karya ini didapati usianya 400 tahun lebih muda dari candi yang terdapat di Kedah. Candi Bukit Batu Pahat sangat unik kerana terdapat persamaan dari segi pelan pembangunan dan bentuknya disusun seperti yang dibuat oleh ahli-ahli seni empayar Majapahit dan Singgosari.

Kesimpulannya, penduduk Lembah Bujang pada masa dahulu telah mengalami berbagai-bagai tahap keagamaan, yang mana pada mulanya mereka menganut fahaman animisme, kemudian

beralih kepada agama Hindu dan Budha dan akhir sekali menganut agama Islam setelah kedatangan Islam.

### **Pusat keagamaan Hindu Buddha**

Lembah Bujang menjadi pusat keagamaan yang penting pada zaman Hindu-Buddha. Terdapat banyak kuil dan kuil dibina di sini, mencerminkan kehadiran kepercayaan Hindu dan Buddha. Kuil-kuil ini merupakan tempat ibadat dan aktiviti keagamaan. Kedatangan pedagang-pedagang India disambut baik oleh raja-raja dan pembesar-pembesar di kawasan tersebut. Pembesar-pembesar tersebut menggalakkan perkahwinan anak gadis mereka dengan saudagar-saudagar India. Penempatan awal mereka ialah di sepanjang tebing Sungai Bujang. Penduduk di kawasan tersebut semakin bertambah. Di antara mereka terpaksa mencari tempat yang baru. Pedagang-pedagang India mempengaruhi penduduk-penduduk tempatan untuk menganut agama Hindu. Kebetulan pula pada zaman itu, orang-orang Melayu menganuti kepercayaan animism, iaitu kepercayaan kepada kuasa ghaib, benda-benda ganjil seperti pokok-pokok dan busut-busut. Setelah memeluk agama Hindu, masyarakat di situ mula mendirikan candi-candi dan rumah-rumah berhala. Mereka juga belajar dan menulis dari India. Mereka pergi ke India bukan sahaja untuk berdagang malah menyebarkan agama Hindu.

Segala benda-benda purba tinggalan sejarah yang terdapat di Lembah Bujang itu agak berbeza dengan berhala-berhala yang terdapat di India. Sebagai contohnya candi-candi di India diabdikan kepada berhala-berhala. Sedangkan candi-candi perkuburan yang diabdikan kepada raja-raja, pemimpin-pemimpin dan sami-sami. Saudagar-saudagar yang berkahwin yang menetap di situ memulakan perniagaan mereka. Malah saudagar-saudagar dari China, Burma, India, Arab dan Indonesia masuk ke kawasan tersebut untuk menghantar barang dagangan mereka. Pengkalan Bujang di jadikan pusat Perdagangan Antarabangsa (pelabuhan). Bukti yang menunjukkan bahawa Pengkalan Bujang pernah menjadi pusat Perdagangan Antarabangsa (pelabuhan) ialah dengan penemuan batu-batu permata dari Burma, barang-barang kaca dari Asia Barat, kepingan pasu dari India dan tembikar dari China.

Sebelum orang-orang India datang membawa agama Hindu dan agama Budhha kepada orang Melayu, penduduk-penduduk di kepulauan ini sudah mempunyai adat dengan mendirikan bangunan-bangunan yang berbentuk piramid kerana untuk dijadikan makam nenek moyang dan disitulah mereka melakukan upacara-upacara penyembahan kepada nenek moyang mereka.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Dr. Quaritch Wales dan isterinya telah menetapkan dua matlamat, iaitu untuk melihat

sejauh mana terdapat penyebaran pengaruh India di utara Semenanjung Tanah Melayu berdasarkan bukti-bukti arkeologi di Lembah Bujang (sebagai suatu analisis perbandingan dengan pendapat para sarjana yang lebih cenderung menyatakan sebagai proses “*penghinduan*” atau “*pengindiaan*”) dan sebagai pembuktian kewujudan Lembah Bujang sebagai tumpuan utama penyebaran pengaruh Hindu-Buddha serta tumpuan pedagang dari India.

Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, 1990. Penempatan ini kemudiannya telah berkembang sebagai pusat penyebaran kebudayaan ajaran Hindu-Buddha. Berdasarkan sumber-sumber lain seperti sumber India, penempatan itu dikenali sebagai *Kataha* atau dalam bahasa Sanskrit disebut *Katahanagara*. Dalam Bahasa Tamil pula, penempatan ini dikenali sebagai *Kidaram*, *Kadaram* yang bermaksud kuali besar dan *Kalagam* yang bermaksud warna hitam.

Hasil daripada kemakmuran dan kemahsyuran yang telah diperoleh oleh Masyarakat Lembah Bujang serta peranan Sungai seperti Sungai Merbok, Sungai Bujang dan Sungai Muda dapat dilayari hingga ke pedalaman telah memberi kesempatan kepada pedagang dan mubaligh Buddha untuk menyebarkan kepercayaan kepada Masyarakat tempatan. Hal ini memberikan

ruang kepada mereka untuk mengisi kekosongan jiwa. Sebagai tanda pengisian rohani adalah dengan peninggalan candi, seni arca Hindu-Buddha dan artifak yang berhubung kait dengan unsur keagamaan Hindu-Buddha.

Perkembangan perdagangan secara tidak langsung turut membantu perkembangan petempatan dan penyebaran pengaruh budaya India ke Lembah Bujang. Hal ini telah dibuktikan oleh tinggalan-tinggalan candi berunsur Hindu dan Buddha serta artifak-artifak tinggalan yang berhubung dengan amalan kedua-dua ajaran tersebut.

Berdasarkan kajian lapangan yang dibuat, proses yang dikenali sebagai Indianisasi atau penghinduan telah berlaku di kawasan ini. Sekitar Lembah Bujang sehingga hari ini sejumlah 41 buah tapak arkeologi atau Tapak Tanah Bersejarah telah dikenal pasti mengandungi tinggalan struktur atau jumpaan artifak sama ada perdagangan atau artifak keagamaan serta struktur berkaitan bangunan candi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 buah candi telah direkonstruksi semula iaitu candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat/Sungai Merbok Kecil), Tapak 16 (Kampung Pendiat/Sungai Bujang), Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam/Sungai Bujang), Tapak 21 (Kampung Pengakalan Bujang/Sungai Bujang), Tapak 22 (Kampung Pengakalan Bujang/Sungai Bujang), Tapak 11/3 (Ladang Sungai Batu/Sungai

Bujang), Tapak 5 (Estet Sungai Batu/Sungai Bujang) dan Tapak 19 (Kampung Pangkalan Bujang/ Sungai Bujang) dan Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir/Sungai Muda) telah dibiarkan seperti keadaan asal.

### **Pusat persinggahan atau perdagangan**

Sistem perdagangan pada awal-awal abad ke 3 dan ke 4, peranan jalan laut amatlah penting. Laut dan sungai merupakan penghubung yang utama bagi sistem perdagangan pada masa ini. Lantaran itu kawasan-kawasan yang mempunyai pinggir laut dan sungai yang strategik akan mendapat perhatian para saudagar atau pedagang-pedagang. Pada abad ini, India dan China adalah kawasan yang paling terkenal dengan perdagangan. Pedagang-pedagang sering berulang-alik antara India dan China. Lembah Bujang mempunyai semua ciri-ciri tersebut jika diteliti. Ahli sejarah berpendapat bahawa kawasan Lembah Bujang ini telah wujud masyarakat Kosmopolitan yang berkebudayaan Hindu sebelum kedatangan Islam. Bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa Pengkalan Bujang juga merupakan satu pusat perdagangan Antarabangsa (entreport) pada zaman itu.

Pada zaman dahulu, ahli-ahli pelayaran menggunakan kapal-kapal layar dalam perjalanan mereka di laut. Perjalanan dilaut itu mengambil masa yang lama bagi pedagang Arab, India dan

China untuk menjalankan perniagaan kerana terpaksa berdepan dengan angin monsun, iaitu angin monsun barat daya (Mei-Okttober) dan monsun timur laut (November-April). Pedagang-pedagang India yang berlayar di Lautan Hindi terpaksa bergantung kepada tiupan angin monsun barat daya dari bulan Mei hingga Oktober untuk pelayaran ke sebelah Timur. Angin ini dapat mempercepatkan pelayaran mereka.

Oleh kerana satu pelayaran itu mengambil masa yang sangat lama, pedagang-pedagang India terpaksa mencari tempat persinggahan. Tujuan mencari tempat persinggahan (pelabuhan) itu adalah untuk mendapatkan bekalan makanan dan air, sebelum mereka meneruskan perjalanan. Disamping itu juga mereka boleh bermula dengan penduduk-penduduk tempatan, lagi pula mereka tiba di Tanah Melayu pada musim angin monsun barat daya hampir berakhir. Mereka terpaksa tinggal di Tanah Melayu untuk beberapa bulan sehingga angin monsun barat daya bertiup semula untuk meneruskan pelayaran mereka ke negeri China.

Pada kurun ke 4 Masihi, tempat yang difikirkan sesuai untuk persinggahan terutama di utara Semenanjung Tanah Melayu ialah di Muara Sungai Merbok (Kedah). Pedagang-pedagang India memilih tempat persinggahan itu kerana tempat tersebut memberi beberapa kemudahan kepada mereka. Antaranya ialah

ketinggian Gunung Jerai yang memberi panduan pelayaran kepada kapal-kapal dan pedagang-pedagang China dan India berasa selamat apabila menggunakan jalan darat dari jalan laut menggelilingi Semenanjung Tanah Melayu serta selamat dari rompakkan lanun-lanun laut. Sesetengah pedagang-pedagang India membuat keputusan untuk terus menetap di kawasan tersebut kerana mereka ingin menjadikan kawa san tersebut sebagai pusat perdagangan.

Penglibatan perdagangan maritim di kawasan ini juga telah dibuktikan oleh data Sejarah yang dikaji berkaitan kepentingan laluan Selat Melaka pada awal abad Masihi serta penglibatan secara langsung pedagang India dan Cina. Perdagangan maritim di Selat Melaka menjadi semakin penting semasa kebangkitan Kerajaan Srivijaya pada sekitar abad ke 7 hingga abad ke 13 yang turut dikenali sebagai “Tuan Selat Melaka”. Perkembangan ini secara tidak langsung turut memberikan impak yang sangat besar terhadap Lembah Bujang untuk menjadi salah satu pelabuhan perdagangan di utara Semenanjung Tanah Melayu dan berkembang menjadi pelabuhan entrepot.

#### **4.4 Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang.**

Bahagian ini akan menerangkan keputusan analisis data berdasarkan tindak balas penduduk di Lembah Bujang, Merbok terhadap cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

##### **4.4.1 Demografi Responden**


Analisis dapatan kajian mengikut kumpulan umur dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Jadual 2 menunjukkan analisis dapatan kajian mengikut kumpulan umur dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

| Bil. | Faktor | Kategori      | Kekerapan | Peratusan |
|------|--------|---------------|-----------|-----------|
| 1.   | Umur   | 16 – 25 tahun | 11        | 37%       |
|      |        | 26 – 35 tahun | 9         | 30%       |
|      |        | 40 – 60 tahun | 10        | 33.3%     |

Jadual 2: Analisis dapatan kajian mengikut kumpulan umur dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Carta 1 menunjukkan analisis dapatan kajian mengikut kumpulan umur dalam kalangan Masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.



Carta 1: Demografi Responden berdasarkan kumpulan umur.

Carta 1 menunjukkan demografi responden mengikut kumpulan umur. Bermula dengan lingkungan umur 16-25 tahun seramai 11 orang dan peratusannya mencatatkan sebanyak 36.67%. Seterusnya, responden yang berumur 26-35 tahun seramai 9 orang dan peratusannya ialah 30%. Akhirnya, seramai 10 orang dalam lingkungan 40-60 tahun iaitu 33.33%.

**4.4.2** Analisis dapatan kajian mengikut jantina dalam masyarakat Lembah Bujang, Merbok.


Jadual 3 menunjukkan analisis dapatan kajian mengikut jantina dalam kalangan masyarakat Lembah Bujang, Merbok.

| Bil. | Faktor  | Kategori  | Kekerapan | Peratusan |
|------|---------|-----------|-----------|-----------|
| 2.   | Jantina | Lelaki    | 15        | 50%       |
|      |         | Perempuan | 15        | 50%       |

Jadual 3 : Analisis dapatan kajian mengikut jantina dalam masyarakat Lembah Bujang, Merbok.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Carta 2 menunjukkan Demografi Responden berdasarkan jantina dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.



Carta 2: Demografi responden berdasarkan jantina.

Carta 2 menunjukkan demografi responden berdasarkan jantina dalam kalangan masyarakat Lembah Bujang, Merbok. Daripada 30 orang yang disoal selidik, seramai 15 orang adalah jantina lelaki bersamaan 50%. Seterusnya, diikuti dengan jantina perempuan yang seramai 15 orang responden bersamaan 50%.


**4.4.3** Analisis dapatan kajian mengikut status dalam masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan kajian mengikut status dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

| Bil. | Faktor | Kategori        | Kekerapan | Peratusan |
|------|--------|-----------------|-----------|-----------|
| 3.   | Status | Berkahwin       | 16        | 53.33%    |
|      |        | Belum berkahwin | 14        | 46.67%    |

Jadual 4: Analisis dapatan kajian mengikut status dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Carta 3 menunjukkan Demografi Responden berdasarkan status dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.



Carta 3: Demografi Responden berdasarkan status.

Carta 3 menunjukkan demografi responden berdasarkan status dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok. Daripada 30 orang penduduk yang disoal selidik, seramai 16 orang adalah berkahwin bersamaan 53%. Akhir sekali, bagi status belum berkahwin seramai 14 orang responden bersamaan 47%.


**4.4.4** Analisis dapatan kajian mengikut pekerjaan dalam masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Jadual 6 menunjukkan analisis dapatan kajian mengikut kumpulan pekerjaan dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

| Bil. | Faktor    | Kategori | Kekerapan | Peratusan |
|------|-----------|----------|-----------|-----------|
| 4.   | Pekerjaan | Kerajaan | 6         | 20%       |
|      |           | Swasta   | 8         | 27%       |
|      |           | Sendiri  | 16        | 53.33%    |

Jadual 6: Analisis dapatan kajian mengikut kumpulan pekerjaan dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.

Carta 4 menunjukkan Demografi Responden berdasarkan pekerjaan dalam kalangan masyarakat di Lembah Bujang, Merbok.



Carta 4: Demografi Responden berdasarkan pekerjaan

Carta 4 menunjukkan demografi responden berdasarkan pekerjaan. Seramai 6 orang daripada responden yang telah disoal selidik bekerja dalam sektor kerajaan bersamaan 20%. Selain itu, seramai 8 orang responden berkerja dalam sektor swasta dan peratusannya berjumlah 27%. Akhir sekali, seramai 16 orang responden iaitu 53.33% berkerja sendiri.

#### **4.5 Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok**


Jadual 7 menunjukkan jumlah keseluruhan responden dalam mengenalpasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

| Bil. | Cabarancabaran  | Kekerapan |       | Peratusan |        |
|------|---|-----------|-------|-----------|--------|
|      |   | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak  |
| 1.   | Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi  | 21        | 9     | 70%       | 30%    |
| 2.   | Penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional                           | 19        | 11    | 63.33%    | 36.67% |
| 3.   | Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang  | 21        | 9     | 70%       | 30%    |
| 4.   | Peningkatan populariti destinasi pelancongan  | 23        | 7     | 76.67%    | 23.33% |
| 5.   | Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan | 17        | 14    | 56.67%    | 46.67% |
| 6.   | Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh   | 21        | 9     | 70%       | 30%    |

|    |   |    |   |        |        |
|----|---|----|---|--------|--------|
|    | merosakkan atau mengancam tapak arkeologi   |    |   |        |        |
| 7. | Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan | 22 | 8 | 73.33% | 26.67% |

Jadual 7: Jumlah keseluruhan responden dalam mengenalpasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

Graf 1 di bawah menunjukkan analisis responden dalam mengenalpasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.



Graf 1: Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok

Berdasarkan Jadual 7 dan graf bar 1, seramai 30 orang responden telah disoal selidik. Setiap mereka memberi pandangan mereka mengenai cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Mereka telah memilih cabaran-cabaran yang relevan mengikut pemerhatian dan pandangan mereka sendiri.


#### 4.5.1 Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi

Jadual 8 menunjukkan penyelenggaraan dan pemuliharaan tapak arkeologi.

| Bil. | Cabaran  | Kekerapan |       | Peratusan |       |
|------|--|-----------|-------|-----------|-------|
|      |  | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak |
| 1.   | Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi | 21        | 9     | 70%       | 30%   |

Jadual 8: Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi

Carta 5 menunjukkan analisis Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi.



Carta 5: Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi

Seramai 21 orang responden bersamaan 70% bersetuju bahawa penyelenggaraan dan pemuliharaan tapak arkeologi adalah salah satu cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Berdasarkan tinjauan awal, pengkaji telah mendapati bahawa masyarakat di Lembah Bujang, Merbok memberi persetujuan yang tinggi dalam penyelenggaraan dan pemuliharaan tapak arkeologi sebagai cabaran utama. Hal ini dapat dibuktikan dalam Astro Awani menyatakan bahawa “**Lembah Bujang perlu perlindungan segera**” (<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/badan-warisan-tapak-lembah-bujang-perlu-perlindungan-segera-26309?>).

Manakala sembilan orang responden iaitu bersamaan 30% tidak mempersetujui bahawa penyelenggaraan dan pemuliharaan tapak arkeologi sebagai cabaran utama.

**4.5.2 Penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional.**

Jadual 9 menunjukkan penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional

| Bil. | Cabaran   | Kekerapan |       | Peratusan |        |
|------|---|-----------|-------|-----------|--------|
|      |   | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak  |
| 2.   | Penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional | 19        | 11    | 63.33%    | 36.67% |

Jadual 9: Penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Carta 6 menunjukkan analisis cabaran dalam penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional.



Carta 6: Cabaran dalam penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional.

Selain itu, cabaran yang kedua adalah penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional. Seramai 19 orang responden bersamaan 63.33% mengakui benar dengan cabaran tersebut. Hal ini demikian berlaku kerana proses penyelidikan dan penggalian barang arkeologi sangat memerlukan tenaga mahir dan teknologi canggih. Berdasarkan pengalaman pengkaji,

menyatakan bahawa setiap penggalian dan penyelidikan yang dibuat mengambil jangka masa yang begitu lama untuk menemukan kesahihannya. Oleh itu, dengan adanya kecanggihan teknologi dapat membantu proses penggalian dan penyelidikan.

Oleh itu, sebanyak 11 orang responden iaitu bersamaan 36.67% yang menyatakan tidak pada cabaran tersebut. Mereka menyatakan bahawa cabaran tersebut kurang relevan untuk dijadikan cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**4.5.3 Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang.**


Jadual 10 menunjukkan kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang.

| Bil. | Cabaran  | Kekerapan |       | Peratusan |       |
|------|--|-----------|-------|-----------|-------|
|      |  | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak |
| 3.   | Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang | 21        | 9     | 70%       | 30%   |

Jadual 10: Kurangnya kesedaran masyarakat

mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang

Carta 7 menunjukkan analisis tentang kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang, Merbok.



Carta 7: Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang.

Seterusnya, cabaran lain yang dapat membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok adalah kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang. Sebanyak 21 orang responden bersamaan 70% menyatakan setuju dengan cabaran ini oleh kerana kebanyakan masyarakat kini kurang menitikberatkan mengenai sejarah dan budaya sesebuah tempat. Hal ini kerana mereka menganggap perkara itu tidak penting dalam kehidupan seharian mereka. Menurut tinjauan pengkaji

mendapati bahawa masyarakat di Lembah Bujang, Merbok kurang berpengetahuan mengenai sejarah tempat tersebut. Justeru itu, bagi menyokong cadangan yang diberikan oleh pengkaji. “**Bukan tidak peduli warisan budaya**”. Pernyataan tersebut telah diambil dari artikel yang dikeluarkan oleh Berita Harian pada 14 Ogos 2016 jam 12:10 am (<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/08/182917/bukan-tak-peduli-warisan-budaya>).

Di samping itu, terdapat seramai sembilan orang responden yang tidak mempersetujui cabaran tersebut dijalankan iaitu bersamaan 30% kerana masyarakat yang lama menetap di Lembah Bujang dapat dikatakan berpengetahuan dalam sejarah dan nilai budaya sesebuah tempat tersebut.

#### 4.5.4 Peningkatan populariti destinasi pelancongan.

Jadual 11 menunjukkan peningkatan populariti destinasi pelancongan.

| Bil. | Cabaran                                       | Kekerapan |       | Peratusan |        |
|------|---|-----------|-------|-----------|--------|
|      |   | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak  |
| 4.   | Peningkatan populariti destinasi pelancongan. | 23        | 7     | 76.67%    | 23.33% |

Jadual 11: Peningkatan populariti destinasi pelancongan

Carta 8 menunjukkan analisis cabaran dalam peningkatan populariti destinasi pelancongan.



Carta 8: Peningkatan populariti destinasi pelancongan.

Tambahan pula, peningkatan populariti destinasi pelancongan merupakan salah satu cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Seramai 23 orang responden iaitu bersamaan dengan peratus tertinggi antara cabaran iaitu 76.67% bersetuju bahawa peningkatan populariti destinasi pelancongan adalah cabaran untuk membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Pengkaji mendapati bahawa bukan itu sahaja yang dapat dikatakan tetapi umum mengetahui kini terdapat pelbagai pusat pelancongan yang dibuka untuk menarik perhatian pelancong luar untuk datang berkunjung. Dengan adanya tempat-tempat menarik seperti Cameron Highlands, Kota Kinabalu, Langkawi dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya pusat pelancongan seperti ini, ramai pelancong lebih tertarik berbanding dengan tempat-tempat tinggalan sejarah seperti ini. Bagi menyokong perkara diatas dengan penyertaan ***"Masyarakat Merbok anggap Candi sebagai tinggalan sejarah lampau"*** yang dikeluarkan oleh Astro Awani pada 24 Disember 2013 pada jam 7:06 pm. (<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masyarakat-merbok-anggap-candi-sebagai-tinggalan-sejarah-lampau-27407?>).

Tetapi sebanyak tujuh orang responden bersamaan 23.33% mendapati bahawa peningkatan populariti destinasi pelancongan bukan cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Mereka berpendapat bahawa tempat tinggalan sejarah seperti Lembah Bujang, Merbok mampu menjadi tempat penyelidikan oleh pakar-pakar dari luar.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**4.5.5 Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan.**


Jadual 12 menunjukkan keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan.

| Bil. | Cabaran   | Kekerapan |       | Peratusan |        |
|------|---|-----------|-------|-----------|--------|
|      |   | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak  |
| 5.   | Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan | 17        | 14    | 56.67%    | 46.67% |

Jadual 12: Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan

Carta 9 menunjukkan analisis keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan.

### **Keperluan Sumber Kewangan Yang Mencukupi Untuk Menjalankan Operasi Penyelenggaraan, Penggalian Dan Promosi Arkeopelancongan**



Carta 9: Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan

Selain itu, cabaran seterusnya ialah keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan. Seramai 17 orang responden iaitu 56.67% bersetuju dengan cabaran tersebut. Hal ini berlaku demikian kerana, pendapat personal responden yang mengatakan bahawa semua operasi

penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan haruslah menggunakan kos yang tinggi untuk menghasilkannya. Oleh itu, mantan Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir pernah menyatakan dalam sidang media bersama Astro Awani bahawa “**Candi Lembah Bujang yang diroboh bukan seperti Borobudur dan Angkor Wat**” pada 4

Disember 2013 jam 11:19.

(<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mukhriz-candi-lembah-bujang-yang-diroboh-bukan-seperti-borobudur-dan-angkor-wat-26391?>).

Namun begitu, 14 orang responden yang tidak bersetuju dengan cabaran tersebut kerana mereka mempercayai bahawa penyelenggaraan, penggalian dan promosi dalam bidang arkeopelancongan tidak memerlukan kos yang tinggi dalam penghasilannya. Oleh itu, mereka tidak mempersetujuinya kerana bagi mereka promosi hanya boleh dilakukan dalam media massa seperti iklan-iklan di televisyen, sosmed dan sebagainya. Berdasarkan tinjauan awal pengkaji mendapati bahawa segelintir masyarakat di Lembah Bujang kurang pendedahan berkaitan teknologi semasa.

**4.5.6 Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi.**

Jadual 13 menunjukkan risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi.


| Bil. | Cabaran  | Kekerapan |       | Peratusan |       |
|------|--|-----------|-------|-----------|-------|
|      |  | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak |
| 6.   | Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi. | 21        | 9     | 70%       | 30%   |

Jadual 13: Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi

Carta 10 menunjukkan analisis risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi.

### Risiko Bencana Seperti Banjir, Tanah Runtuh Atau Gempa Bumi Boleh Merosakkan Atau Mengancam Tapak Arkeologi.

■ Ya ■ Tidak



Carta 10: Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi.

Tambahan lagi, risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi merupakan cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Seramai 21 orang responden iaitu bersamaan 70% bersetuju dengan cabaran ini. Pada pendapat mereka, bencana alam seperti yang dinyatakan jarang berlaku di kawasan tersebut dan

apabila berlakunya bencana alam maka kawasan-kawasan yang sering dijadikan tumpuan ramai akan berkurangan akibat bencana alam. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa bencana alam mampu menjelaskan prestasi sesebuah institusi pelancongan.

Tetapi sebanyak sembilan orang responden besamaan 30% tidak bersetuju dengan cabaran tersebut. Berdasarkan tijauan awal pengkaji mendapati bahawa segelintir masyarakat mengatakan bencana alam bukan punca dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5.7 Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan.

Jadual 14 menunjukkan mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan.

| Bil. | Cabaran   | Kekerapan |       | Peratusan |        |
|------|---|-----------|-------|-----------|--------|
|      |   | Ya        | Tidak | Ya        | Tidak  |
| 7.   | Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan | 22        | 8     | 73.33%    | 26.67% |

Jadual 14: Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan.

Carta 11 menunjukkan analisis dalam mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan.



Carta 11: Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan.

Akhir sekali, cabaran dalam mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan mendapat persetujuan seramai 22 orang responden bersamaan 73.33%. Hal ini berlaku demikian kerana untuk mengekalkan kelangsungan dalam sesebuah institusi pelancongan kita haruslah

menjalinkan hubungan diplomatik yang baik dengan pelbagai pihak dan agensi yang terlibat. Bagi menyokong kajian ini, sidang media Bernama menyatakan bahawa “**Malaysia jalin kerjasama dengan pakar sejarah China berkaitan Kedah Tua**” pada 5 September 2023 jam 4:15 PM. (

Namun begitu, lapan orang responden bersamaan 26.67% yang tidak bersetuju kerana mereka mengatakan bahawa mereka bukan penduduk tetap di Lembah Bujang, Merbok. Mereka hanyalah orang luar yang pulang ke tempat kediaman ibu bapa mereka.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan rumusan hasil kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian. Perbincangan adalah berdasarkan hasil daripada analisis data yang telah diperolehi daripada bab 4 iaitu dapatan kajian sebelumnya.

#### 5.1 Rumusan

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji mengenai Lembah Bujang Sebagai Kerajaan Lama Berpusat: Satu Tinjauan Tentang Perkembangan, Peranan Dan Cabaran Dalam Arkeopelancongan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah asal-usul Lembah Bujang, Merbok, membincangkan tentang perkembangan, peranan dan bagaimana ia mula bertapak sebagai sebuah pusat dan yang terakhir adalah mengkaji cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang. Demi mencapai objektif kajian ini, seramai 30 orang penduduk yang tinggal di Lembah Bujang, Merbok telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah menemubual beberapa orang responden iaitu Encik Mohd. Fauzi bin Sulaiman. Beliau merupakan Pembantu Kanan Muzium Arkeologi Lembah Bujang,

Merbok. Informan kedua yang terlibat adalah Encik Salleh bin Mohd. Ali merupakan Pembantu Kanan Muzium. Informan ketiga merupakan penduduk tetap yang telah menetap lebih dari 20 tahun di kawasan tersebut. Beliau adalah Pn. Norjan binti Perjan Ali. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh pengkaji, dapat menyatakan bahawa Lembah Bujang, Merbok tidak mempunyai tarikh yang tepat sebagai pembukaan tempat tersebut. Hal ini sangat sukar untuk dikatakan kerana terdapat pelbagai pendapat pakar-pakar sejarah dari Barat mengenai asal-usulnya. Pengkaji hanya menerangkan secara ringkas mengenai sejarah asal-usul Lembah Bujang, Merbok hasil daripada sesi temubual dan pembacaan dari buku-buku ilmiah. Terdapat percanggahan pendapat mengenai asal-usul Lembah Bujang, Merbok.

Untuk mengetahui berkaitan perkembangan, peranan dan bagaimana ia mula bertapak sebagai sebuah pusat, pengkaji telah membuat kajian lapangan dan pemerhatian di kawasan tersebut. Pengkaji mendapati bahawa perkembangan Lembah Bujang, Merbok adalah bermula dari perkembangan kebudayaan dan keagamaan Hindu-Budhha. Dipercayai dibawa oleh pedagang-pedagang yang datang dari India. Hal ini telah menyebabkan penyebaran agama Hindu sangat berpengaruh suatu ketika dulu sebelum kedatangan Islam. Bukan itu sahaja, Lembah Bujang, Merbok mempunyai peranannya tersendiri sebagai tempat persinggahan atau perdagangan.

## 5.2 Kaedah Kajian dan Demografi Responden

Terdapat beberapa kaedah kajian yang dipilih untuk menjalankan kajian ini iaitu, kaedah soal selidik, kaedah kepustakaan, kaedah rujukan, kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan juga lapangan. Seramai 30 orang responden dipilih secara rawak daripada populasi tempat kajian. Daripada dapatan kajian seramai 15 orang lelaki dan seramai 15 orang perempuan telah menjawab borang soal selidik yang diberikan oleh pengkaji dan kebanyakannya daripada lingkungan umur 26 hingga 55 tahun. Setelah mengumpul data, pengkaji telah membuat pengiraan secara manual untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan.

## 5.3 Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan populariti destinasi pelancongan merupakan salah satu cabaran dominan yang dikatakan oleh masyarakat di Lembah Bujang, Merbok dengan mencatat jumlah kekerapan dan peratusan sebanyak 23 orang responden bersamaan 76.67%.

Selain itu, cabaran yang mencatat jumlah kekerapan dan peratusan kedua tertinggi adalah mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan sebanyak 22 orang responden bersamaan dengan 73.33%.

Akhir sekali, keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan dengan mencatat jumlah kekerapan dan peratusan sebanyak 17 orang responden bersamaan 56.67% bersetuju dengan cabaran ini.

#### **5.4 Isu dan Perbincangan**

Lembah Bujang, yang terletak di Merbok, Kedah, Malaysia, merupakan tapak arkeologi penting dengan sejarah yang kaya. Ia merupakan kompleks arkeologi terbesar di Malaysia dan menjadi saksi kepada sejarah tamadun awal di rantau ini. Beberapa isu yang boleh menjadi bahan perbincangan mengenai Lembah Bujang termasuklah:

##### **5.4.1 Sejarah dan Kepentingan Lembah Bujang**

- Bagaimanakah Lembah Bujang muncul sebagai pusat tamadun dan perdagangan awal di rantau ini?
- Mengapakah Lembah Bujang dianggap penting dari sudut sejarah dan arkeologi?

#### **5.4.2 Struktur Arkeologi**

- Terdapat banyak kuil, makam dan tapak arkeologi lain di Lembah Bujang. Apakah beberapa struktur arkeologi yang menarik yang mempunyai kepentingan khusus?
- Bagaimanakah ahli arkeologi dan ahli sejarah dapat memahami budaya dan kehidupan manusia purba melalui penemuan di Lembah Bujang?

#### **5.4.3 Fungsi dan Peranan Lembah Bujang dalam Perdagangan Purba**

- Sebagai pusat perdagangan, bagaimanakah Lembah Bujang memainkan peranan dalam rangkaian perdagangan purba?
- Apakah bukti yang menunjukkan aktiviti perdagangan dan hubungan budaya di Lembah Bujang?

#### **5.4.4 Penjagaan dan Pendidikan**

- Bagaimanakah usaha pemuliharaan dijalankan untuk melindungi warisan bersejarah Lembah Bujang?
- Sejauh manakah Lembah Bujang dijadikan sebagai sumber pendidikan dan pemahaman sejarah kepada penduduk dan pengunjung tempatan?

#### **5.4.5 Kontroversi dan Cabaran**

- Adakah terdapat sebarang kontroversi atau perdebatan mengenai penyelenggaraan dan pemuliharaan Lembah Bujang?
- Apakah cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan dan mempromosikan tapak arkeologi ini?

#### **5.4.6 Kesinambungan Budaya dan Warisan**

- Sejauh manakah Lembah Bujang memainkan peranan dalam menyumbang kepada identiti budaya dan warisan Malaysia?
- Bagaimanakah warisan budaya Lembah Bujang boleh diintegrasikan ke dalam masyarakat moden?

#### **5.4.7 Kerjasama Antarabangsa**

- Adakah terdapat usaha kerjasama antarabangsa dalam penyiasatan dan pemuliharaan Lembah Bujang?
- Apakah faedah kerjasama ini dalam mempromosikan pemahaman sejarah dan budaya di peringkat antarabangsa?

### **5.5 Cadangan**

Bagi mengekalkan Lembah Bujang, Merbok sebagai tapak bersejarah yang penting, beberapa cadangan dan usaha boleh diambil. Berikut adalah beberapa cadangan:

### **5.5.1 Penyelenggaraan dan Penyelidikan Berterusan**

- Meneruskan dan menggalakkan penyiasatan arkeologi untuk memahami dengan lebih mendalam sejarah dan budaya Lembah Bujang.

### **5.5.2 Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak**

- Membangunkan dan melaksanakan rancangan untuk pengurusan dan penyelenggaraan tapak arkeologi dengan teliti.
- Memastikan langkah penyelenggaraan fizikal disediakan untuk melindungi struktur arkeologi daripada kerosakan akibat cuaca, tanah runtuh dan faktor lain.

### **5.5.3 Pendidikan dan Kesedaran Awam**

- Membangunkan program pendidikan dan kesedaran untuk masyarakat dan pengunjung setempat mengenai sejarah Lembah Bujang.
- Mengadakan lawatan, kuliah umum atau maklumat yang boleh diakses untuk meningkatkan kesedaran tentang nilai warisan budaya tempatan.

### **5.5.4 Penglibatan Komuniti Setempat**

- Melibatkan masyarakat setempat dalam pengurusan dan penyelenggaraan Lembah Bujang.

- Mewujudkan peluang untuk komuniti tempatan menyumbang kepada program pendidikan dan pemuliharaan, dan memberi mereka peluang untuk terlibat secara aktif.

#### **5.5.5 Pembinaan Pusat Pelawat dan Pendidikan**

- Membina pusat pelawat yang interaktif dan bermaklumat di Lembah Bujang.
- Sediakan ruang pameran, pusat sumber, dan kemudahan pendidikan untuk melibatkan pelawat dalam pengalaman yang mendalam.

#### **5.5.6 Pertukaran Teknologi dan Rujukan Antarabangsa**

- Kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan pakar arkeologi untuk berkongsi pengetahuan dan teknologi terkini dalam pemeliharaan dan penyiasatan tapak arkeologi.

#### **5.5.7 Penilaian Kesan Ekonomi dan Sosial**

- Menjalankan penilaian impak ekonomi dan sosial program pemuliharaan Lembah Bujang.
- Tentukan cara untuk memastikan masyarakat tempatan mendapat manfaat daripada aktiviti pelancongan dan pemuliharaan.

### **5.5.8 Peraturan dan Undang-undang Pemuliharaan**

- Memperkuatkan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pemeliharaan warisan budaya.
- Memastikan pengukuhan undang-undang untuk melindungi Lembah Bujang daripada kemungkinan ancaman atau kerosakan.

### **5.5.9 Program Pengurusan Risiko dan Kebimbangan**

- Membangunkan program pengurusan risiko dan kebimbangan untuk menangani kemungkinan ancaman seperti bencana alam atau tindakan manusia yang merosakkan.

## **5.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya dalam bahagian ini, pengkaji telah menjelaskan tentang asal-usul Lembah Bujang, Merbok dari tahun 1830an sehingga tahun 2005. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian pada tahun 1830an kerana pada tahun tersebut di Lembah Bujang mendapati bahawa penemuan tugu-tugu telah dilaporkan dan usaha carigali telah dilakukan. Pengkaji ingin menamatkan kajian pengkaji pada tahun 2005 kerana pengkaji mendapati bahawa Lembah Bujang telah menjadi tumpuan para pelancong dari luar kerana keunikan yang terdapat pada candi-candi tersebut dan sesuai untuk dijadikan kawasan kajian sejarah terawal di dunia. Seterusnya, pengkaji dapat mengetahui dengan

lebih mendalam lagi mengenai perkembangan dan kedatangan Lembah Bujang, Merbok dari segi kebudayaan Hindu dan Buddha dan tahap-tahap keagamaan melalui perkahwinan yang dibenarkan oleh raja-raja dan pembesar-pembesar. Pengkaji dapat menghuraikan tahap perkembangan agama dan kebudayaan yang telah diamalkan oleh mereka. Akhir sekali, pengkaji dapat mengetahui peranan Lembah Bujang pada zaman dahulu kepada para pedagang yang datang untuk berdagang ke tempat tersebut kerana mempuai pelbagai kemudahan kepada mereka seperti tempat pelabuhan dan panduan kapal-kapal layar. Oleh itu, kini pengkaji dapat meningkatkan lagi pengetahuan am mengenai sejarah asal-usul, tahap-tahap perkembangan keagamaan dan peranan Lembah Bujang, Merbok. Pengkaji berharap kajian ini dapat menjawab persoalan yang berlegar di minda pengkaji, seterusnya memenuhi aspek penyelidikan pengkaji dalam kajian akhir (tesis). Harapan pengkaji agar Lembah Bujang menjadi sebuah agensi pelancongan yang mantap supaya dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat setempat dan menjadi agensi pelancongan yang bertaraf antarabangsa.

## BIBLIOGRAFI

### SUMBER PRIMER

Encik Mohd. Fauzi bin Sulaiman. (2023, December 11). *Asal-usul Lembah Bujang, Merbok* (Pembantu Kanan Muzium, Interviewer) [Personal communication].

En. Salleh bin Mohd Ali. (2023, December 11). *Perkembangan Lembah Bujang, Merbok dari Pelbagai Aspek* (Pembantu Kanan Muzium, Interviewer) [Personal communication].

Norjan binti Perjan Ali. (2023, December 28). *Sejarah dan Asal-usul Lembah Bujang, Merbok* (Penduduk tetap Lembah Bujang, Merbok, Interviewer) [Personal communication].

### SUMBER SEKUNDER

Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. (1979). *Malaysia Dari Segi Sejarah*.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman & Othman Mohd. Yatim. (1990). *Antiquities Of Bujang Valley* (First Edition 1990, p. 115). United Selangor Press Sdn. Bhd.

Ismail bin Salleh. (n.d.). *Candi Batu Pahat Kedah*, 13(5,6,7). Kajian Universiti.

Mohd Supian Sabtu. (2002). *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. (Original work published 2002)

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (n.d.). *Lembah Bujang Dari Perspektif Arkeologi Dan Pelancongan*. Institusi Alam Dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

DYMM Sultan Kedah. (1980). *Pembukaan Resmi Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah* (p. 30). Koleksi Lembah Bujang Perbadanan Perpustakaan Awam.

Abdul Manaf bin Saad. (n.d.). *Lembah Bujang Entreport Terbilang*. Modern Press.

Berita Harian. (2005). “*Laluan Jejak Warisan Terokai Lembah Bujang*.”

Dr. Nik Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1989). *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia d/a Jabatan Sejarah.

Zakaria Abdullah. (1990). *Tempat-tempat Menarik Di Malaysia* (Pertama 1990, Vol. 45, pp. 13, 14, 15, 16, 17). PAM PUBLISHING (M) SDN. BHD.

Wan Omar Ahamed. (1994). *Dewan Budaya* (pp. 66, 67). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maizatul Akhmad. (2003, October 23). Tamadun Silam Lembah Bujang. *Harian Metro*, 35.

Zaid Mohd. Noor. (2003, April 3). Program “Jom ke Lembah Bujang” mampu majukan sektor pelancongan. *Utusan Malaysia*.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994, April). Integrasikan Budaya. *Dewan Budaya*, 66(60-66).

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd.Rahman & Othman Mohd.Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia d/a Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (2019). *Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia*. [Arkib.gov.my](http://www.arkib.gov.my/web/guest/lembah-bujang). <http://www.arkib.gov.my/web/guest/lembah-bujang>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## LAMPIRAN

### Sesi Temubual



Sesi temubual bersama orang sumber pertama iaitu Encik Mohd. Fauzi bin Sulaiman di Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

Antara persoalan yang dibincangkan:

- a) Siapakah yang membuka Lembah Bujang, Merbok?
- b) Tahun berapakah Lembah Bujang mula bertapak sebagai sebuah pusat?
- c) Apakah artifak yang ditemui selepas aktiviti carigali dilakukan?
- d) Berapakah keluasan tapak yang ditemui?
- e) Siapakah yang memulakan aktiviti carigali di Lembah Bujang?
- f) Apakah faktor penting perkembangan perdagangan pada awal kurun masih?
- g) Bagaimanakah pendapat Bosch mengenai penaklukan?
- h) Nyatakan proses-proses penyebaran “penghinduan”?
- i) Mengapakah Lembah Bujang mempunyai peranan dalam pelbagai aspek terutamanya aspek ekonomi?
- j) Bagaimanakah peranan-peranan tersebut berfungsi untuk membuktikan Lembah Bujang merupakan sebuah kerajaan yang lama berpusat?

## Pemerhatian dan Tinjauan Awal



Pengkaji membuat tinjauan awal dan pemerhatian di dalam Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok. Pengkaji dapat melihat pameran dan info-info yang berkait rapat mengenai kajian yang dibuat. Di dalam muzium tersebut terdapat kronologi peristiwa mengenai perkembangan kebudayaan dan keagamaan Hindu Buddha di Lembah Bujang suatu ketika dulu.



KELANTAN



Bentuk muka bumi dan taburan tapak tanah bersejarah yang terdapat dalam Malaysia. Dengan adanya muzium ini, dapat membantu pengkaji untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Sejarah sesuatu tempat.

### Kajian Lapangan

Pengkaji bukan sahaja membuat tinjauan awal dan pemerhatian didalam Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok malah melaksanakan kajian lapangan untuk melihat tapak-tapak Sejarah seperti penemuan candi-candi, perahu dan sebagainya. Hal ini dapat meningkatkan pengetahuan am pengkaji untuk membuat kajian berkaitan Lembah Bujang, Merbok. Monumen seperti Candi Bukit Batu Pahat merupakan candi induk di kawasan tersebut. Sebagai bukti kajian.



**Candi Bukit Batu Pahat**

Candi Bukit Batu Pahat, Tapak 8 selepas dibina semula di Bukit Batu Pahat, Merbok Kedah. Candi ini merupakan candi induk di Lembah Bujang, Kedah.

**Bukit Batu Pahat Temple**

The *Bukit Batu Pahat Temple*, on Site 8 after being rebuilt in *Bukit Batu Pahat*, in *Merbok Kedah*. This temple was the master temple in *Bujang Valley*, *Kedah*

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



### Perahu Sagor

Serpihan perahu yang dipamerkan ini merupakan sisa - sisa Perahu Sagor yang ditemui dalam kerja - kerja penggalian arkeologi di beberapa penempatan di sepanjang Sungai Muda yang menjadi laluan utama membawa barang dagangan sejak kurun ke - 3 Masehi.

Penemuan sisa - sisa ini membuktikan bahawa Perahu Sagor merupakan pengangkutan utama yang digunakan oleh masyarakat tempatan bagi membawa bahan komoditi untuk dipasarkan di pelabuhan Lembah Bujang yang bertempat di Kuala Sungai Merbok.

### Prahu Sagor

These pieces of prahu on display are remains of Sagor Prahu, which were found during archaeological excavation works on several settlements along the Sungai Muda, the main route for transporting goods since the 3rd century AD. The discovery of these remains proves that the Sagor Prahu was the main mode of transportation used by the locals to carry the commodities to be sold at the Bujang Valley Port located at Kuala Sungai Merbok.

MALAYSIA

KELANTAN

## Kaedah Rujukan dan Kepustakaan




Pengkaji juga mengunjungi Arkib Negara untuk mendapatkan seberapa banyak buku sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian ini.





Keratan akhbar yang menjadi sumber rujukan pengkaji untuk membuat penulisan kajian.






Buku ini dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan penulisan kajian.

Terdapat banyak info-info yang dikongsikan didalam bahan ini.





Antara bahan-bahan yang dijadikan sebagai rujukan yang diperolehi dari Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Sungai Petani dan Arkib Negara.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Universiti Malaysia Kelantan, 16310 Bachok, Kelantan

Borang Soal Selidik  
CFT4134 Projek Penyelidikan II  
Semester 7

**MAKLUMAN KEPADA RESPONDEN**

Soal selidik ini adalah keperluan bagi memenuhi keperluan Projek Penyelidikan bagi pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Kelantan. Soal selidik bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok. Segala maklumat yang diberi akan dirahsiakan dan ia hanya akan digunakan bagi kepentingan kajian pengkaji.

**TAJUK:** Lembah Bujang Sebagai Kerajaan Lama Berpusat: Satu Tinjauan Tentang Perkembangan, Peranan Dan Cabaran Dalam Arkeopelancongan.

**OBJEKTIF:**

1. Mengkaji cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

Bahagian A: Demografi Responden

Arahan : Sila nyatakan (/) pada ruang yang disediakan.

1) Umur

|  |               |
|--|---------------|
|  | 16 – 25 tahun |
|  | 26 – 35 tahun |
|  | 40 – 60 tahun |

2) Jantina

|  |           |
|--|-----------|
|  | Lelaki    |
|  | Perempuan |

3) Status

|  |           |
|--|-----------|
|  | Berkahwin |
|  | Bujang    |

4) Pekerjaan

|  |          |
|--|----------|
|  | Kerajaan |
|  | Swasta   |
|  | Sendiri  |

Bahagian B: Cabaran-cabaran dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok.

Arahan : Sila nyatakan (/) pada ruang yang disediakan.

| <b>Bil</b> | <b>Cabaran-cabaran</b>  | <b>Ya</b> | <b>Tidak</b> |
|------------|---|-----------|--------------|
| 1.         | Penyelenggaraan dan Pemuliharaan Tapak Arkeologi  |           |              |
| 2.         | Penggalian arkeologi dan penyelidikan memerlukan sumber yang mencukupi dan kepakaran professional                                   |           |              |
| 3.         | Kurangnya kesedaran masyarakat mengenai nilai sejarah dan budaya Lembah Bujang  |           |              |
| 4.         | Peningkatan populariti destinasi pelancongan  |           |              |
| 5.         | Keperluan sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi penyelenggaraan, penggalian dan promosi arkeopelancongan         |           |              |
| 6.         | Risiko bencana seperti banjir, tanah runtuh atau gempa bumi boleh merosakkan atau mengancam tapak arkeologi                         |           |              |
| 7.         | Mengekalkan kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan tempatan, agensi pelancongan dan komuniti tempatan |           |              |

### Bahagian C: Pendapat/ Cadangan

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran lain dalam membentuk arkeopelancongan di Lembah Bujang, Merbok?

---

---

---

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN